



RISALAH RAMADAN, IQTISAD DAN SYUKUR

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

- ISBN** : 978-967-11140-1-8
- Karangan** : BADIUZZAMAN SAID NURSI
- Penterjemah** : *Ustaz Anwar Fakhri Omar*
Ustaz Mohammad Zaini Yahya
- Suntingan** : Senarai penyunting
- Ustazah Dr. Maheram Ahmad*
Prof. Dr. Adem Kilicman
Dr. Norhana bt. Bakhary
Rosiah bt. Othman
Mohd. Zaini b. Sejo, Zainab bt. Saad
Rahmawati bt. Othman
Azwan, bt. Zakaria
Masyitoh bt. Yaakob
Abdul Latip bin Talib
Dr. Muhammad Widus Sempo

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat menyurat di Malaysia : Jalan Jernai , Idaman Putera Condominium, No:A-8-4 , 53100, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar) **E-mail** : emreyasar@yahoo.com
0176626110 (Ali Aydogan) aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia :

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

RISALAH RAMADAN IQTISAD DAN SYUKUR



Badiuzzaman Saïd Nursi



Penterjemah:

Ustaz Anwar Fakhri Omar

Ustaz Mohammad Zaini Yahya



Kandungan Buku

PRAKATA9
RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI11
RISALAH RAMADAN17

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan yang benar dengan yang salah.” (al-Baqarah, 185)

Sesungguhnya bulan Ramadan mengandung pelbagai hikmah, dan dalam risalah ini Ustaz Badiuzzaman Said Nursi mentafsirkan salah satu rahsia ayat di atas serta memberikan penjelasan sembilan hikmah daripada hikmah-hikmahnya yang banyak. Oleh kerana kesembilan-sembilan hikmah ini sangat benar, menarik dan teguh, sekiranya orang yang tidak beriman memahaminya mereka juga akan pasti ghairah untuk mengerjakan ibadah puasa. Dibalikinya, orang-orang yang menganggap dirinya sebagai muslimin dan muslimah yang tidak berpuasa, sepatutnya merasa malu dan bersalah.

RISALAH IQTISAD

.....35

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا

“...dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau...” (al-A‘raf, 31)

Ayat yang mulia ini memberikan satu pengajaran yang amat penting dan panduan yang bijaksana dalam bentuk perintah yang tegas, terutamanya agar manusia yang hidup pada masa kini beriqtisad

(berjimat cermat) serta memberikan larangan secara jelas daripada melakukan israf (membazir) dan tabzir (pembaziran). Risalah yang bernilai dan diberkati ini mengandungi tujuh noktah.

ORANG TAMAK SELALU KECEWA DAN RUNGI

.....60

Sesungguhnya tamak haloba adalah satu penyakit seperti permusuhan, bahkan ia lebih memberi kemudaratan dan kemusnahan kepada nilai-nilai keislaman. Benarlah, tamak haloba itu sendiri adalah penyebab kekecewaan, kerendahan dan kehinaan, serta penyakit yang memusnahkan.

AJAL DAN REZEKI YANG SUDAH DITETAPKAN

...72

Semua perkara yang berlaku di alam semesta ini bukanlah kebetulan semata-mata. Bahagian ini memberikan beberapa contoh dan membuktikan dengan penuh keyakinan tanpa sebarang keraguan bahawa semua itu berlaku hasil aturan perlembagaan daripada yang empunya belas kasihan yang tinggi dan yang empunya hikmah kebijaksanaan Al-Mun'im al-Hakiki (Yang Maha Pemberi Nikmat yang Hakiki).

MENGAPAKAH USTAZ BADIUZZAMAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA TAMADUN MASA KINI?

.....75

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ لَيْسَ لِلإِنسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

“...dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui batas...” (al-A’raf, 31)

“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.” (al-Najm, 39)

Kedua-dua ayat di atas mengandungi seruan murni yang dilontarkan dengan lantang sekali. Ustaz Badiuzzaman Said Nursi menjelaskan kesan-kesan keburukan dan kemudaratannya tamadun kini yang diambil dari negara-negara Barat.

RISALAH SYUKUR

.....80

Dengan pengulangan yang berlaku di dalam al-Quran al-Mu`jiz al-Bayan, Allah s.w.t. menyeru manusia untuk bersyukur kepada-Nya. Dia juga turut menjelaskan bahawa tindakan tidak bersyukur itu sebenarnya adalah satu tindakan yang mendustakan dan mengkufuri nikmat-nikmat-Nya.

أَفَلَا يَشْكُرُونَ “...maka patutkah mereka tidak ber-

syukur?” (Yasin, 35) **فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ** “Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?” (al-Rahman)

Berdasarkan ayat-ayat seumpama di atas, risalah ini mentafsirkan rahsia dalam kesyukuran, dalam bentuk peringatan dengan cara yang amat sesuai, jelas, dan rasional. Di samping itu ia membuktikan bahawa manusia merupakan sebuah gedung yang melakukan syukur. Dengan cara yang mutlak dan mudah difahami, ia meyakinkan para pembaca bahawa alam semesta ini merupakan khazanah nikmat, syukur adalah kuncinya, rezeki itu adalah natijahnya dan juga mukadimah kepada syukur. Tambahan pula, risalah ini menerangkan satu hakikat yang tinggi dan terang tentang kesyukuran mutlak yang merupakan rukun keempat yang diambil daripada empat asas; “Wahai saudaraku yang mulia, yang punyai kelemahan! Ketahuilah bahawa engkau seharusnya memiliki empat perkara (di hadapan Allah s.w.t.): kelemahan mutlak, kefakiran mutlak, kerinduan mutlak dan kesyukuran mutlak.”

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan inayah-Nya penterjemahan dan penyuntingan *Risalah Ramadan, Iqtisad dan Syukur* telah selesai dihasilkan. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk penterjemah dan penyunting yang dengan sukarelanya mengorbankan masa dan tenaga mereka.

Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) adalah seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang melalui kehidupan di zaman akhir pemerintahan Khalifah Uthmaniah dan di awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turki. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turki yang ketika itu telah tenggelam dalam lembah kemunduran duniawi dan ukhrawi. Beliau mengambil pendekatan ajaran tasawuf yang

diasaskan melalui tulisan khazanah Risalah an-Nur yang mempunyai pendekatan yang menyinari akal dan memujuk jiwa dan roh para pembaca. Buku ini mengandungi beberapa bahagian daripada bab-bab kecil yang terdapat di dalam Risalah an Nur yang dipetik semula oleh Ustaz Badizzaman Said Nursi untuk dijadikan satu buku kecil yang menyatukan tiga tajuk utama, Ramadan, ijtihad dan syukur. Saya merasakan ketiga-tiga tajuk utama ini mempunyai hubungan yang rapat sekali dan patut dihayati bersama sebagai satu fahaman yang menyeluruh dalam membantu umat Islam di Malaysia khususnya menghadapi berbagai cabaran zaman moden.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat dengan mendapat keredaan Allah SWT.

Dato' Haji Wan Zahidi Wan Teh
Bekas Mufti Wilayah Persekutuan

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampung ini. Beliau menerima pendidikan awal tentang pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadith, fiqh, mantik dan logik. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu amalan perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Mereka kemudian menggelarnya sebagai “Badiuzzaman” atau “Keunggulan Zaman”.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu dunia sedang memasuki satu zaman baru yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Pada pendapat beliau; “Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap ta’sub”. Dalam usaha merealisasikan cita-cita beliau dan impiannya untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, beliau telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul, beliau bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula, beliau bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, “Kawasan Timur lebih

memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam” dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana teretusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa Perang Dunia Pertama teretus, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk “Isyaratul l’jaz” dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudiannya mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir pada ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan tertegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran iman bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal ini dianggap satu jenayah pada ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlaknya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, mereka memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelarnya "*Said Jadid*" (Said Baru). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya kepada penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur mengenai iman dan Islam. Baginya kebenaran iman ialah kebenaran sejagat yang paling penting. Membangkitkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, "Saya akan buktikan kepada dunia bahawa Al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam". Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah yang mana sesiapa pun tidak berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami inti pati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada orang-orang Islam di Turki ketika itu. Beliau adalah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya sendiri. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan daripada hati orang ramai sehingga kini maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menubuhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan “Posmen Nur” (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah

Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia. Mengandungi lebih daripada seratus tiga puluh risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baru walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barangan yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul “Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)” telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracuni sebanyak beberapa kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarinya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisytiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada waktu pagi 23 hb. Mac, 1960. Beliau telah pergi dengan penuh kemuliaan dan

kemenangan.

Risalah an-Nur ialah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran Al-Quran dan Hadith kepada manusia yang bersesuaian dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakannya adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam keimanan seperti kewujudan Allah s.w.t. sw.t. dan keesaan-Nya, kerasulan dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan jelas.

Dalam menjelaskan keadaan yang sebenarnya dari tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur menunjukkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanya lah boleh diperolehi dalam keimanan dan ilmu ketuhanan. Ia juga menunjukkan kekufuran, menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Akhirnya, perkara yang perlu kita lakukan ialah

menggembling semua tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

Ustaz Badiuzzaman Said Nursi telah diiktiraf sebagai seorang “**Mujaddid**” pada zaman ini dan Risalah an-Nur telah diterima oleh ulama-ulama terkenal daripada kalangan ulama-ulama “**Ahli Sunnah wal-Jamaah**” seperti Dr. Yusuf al-Qardawi, Dr. Ramadan al-Buti, Dr. Wahbah al-Zuhayli dan kebanyakan ulama-ulama dari Universiti al-Azhar.

Risalah Ramadan

Risalah ini¹ mengandungi “sembilan aspek” yang menjelaskan sembilan hikmah yang diambil daripada hikmah-hikmah yang terdapat dalam bulan Ramadan al-Mubarak.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
 وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan yang benar dengan yang salah.” (al-Baqarah, 185)

1 Petikan daripada kitab “Mektubat (Surat-Surat)”, Surat Kedua Puluh Sembilan.

ASPEK PERTAMA

Sesungguhnya puasa pada bulan Ramadan merupakan antara yang terawal disebut dalam rukun Islam. Rukun ini dianggap sebagai syiar Islam yang terbesar.

Kebanyakan hikmah yang didapati daripada puasa Ramadan adalah bertujuan menzahirkan sifat ketuhanan Rububiyah Allah s.w.t. Hikmahnya menjurus kepada kehidupan sosial manusia dan kehidupan peribadi mereka. Ia juga menjurus kepada pentarbiahan jiwa dan menyatakan kesyukuran kepada nikmat Allah s.w.t..

Antara hikmah yang kita dapat peroleh daripada ibadat puasa, kita akan ketengahkan satu hikmah yang dapat menyerlahkan Rububiyah Allah s.w.t., iaitu:

Allah s.w.t. menjadikan muka bumi ini umpama hidangan yang luas terbentang dipenuhi dengan nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Hidangan itu diatur begitu rapi dan indah sekali. Melalui hidangan ini, Allah s.w.t. menunjukkan sifat Rububiyah-Nya yang sempurna. Dia menunjukkan sifat al-Rahmaniyyah dan al-Rahimiyyah sebagaimana yang disebutkan firman-Nya;

مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

“Dia memberi nikmat dari arah yang tidak disangka-sangkakan”.(al-Talaq,3)

Tetapi disebabkan tabir ghaflah (kelalaian) dan sebab musabab yang lain, manusia tidak dapat melihat hakikat yang jelas ini dengan baik, kadangkala lupa. Tetapi dalam bulan Ramadan, orang-orang yang beriman dengan pantas akan menjadi seperti satu pasukan tentera yang tersusun. Seketika, sebelum waktu berbuka, mereka semua berada dalam keadaan yang bersiap sedia untuk menyahut panggilan al-Sultan al- Azali itu: “Silakan menjamah hidangan ini”. Mereka pun menyahut rahmat yang menyeluruh; meliputi pengabdian yang luas, teratur dan hebat. Adakah mereka yang tidak turut serta dalam peribadatan yang tinggi dan mulia ini layak disebut sebagai manusia?

ASPEK KEDUA

Salah satu daripada hikmah yang banyak pada puasa bulan Ramadan yang berkat ini adalah yang berhubung dengan kesyukuran terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam “Kalimah Pertama”, makanan yang dibawa oleh

khadam dari dapur Sultan pasti ada harganya. Adalah terlalu dungu kalau kita menyangka bahawa makanan yang bernilai itu murah dan tidak berharga. Adalah terlalu bodoh kalau kita tidak mengenali orang yang memberikan nikmat tersebut. Makanan dan nikmat yang tidak terhitung banyaknya itu juga pasti ada harganya. Sudah pasti Allah s.w.t. meminta bayarannya, iaitu melalui pernyataan syukur kepada-Nya kerana zahir yang membawa nikmat tersebut dan pemilik zahirnya hanyalah umpama khadam yang membawa sesuatu makanan. Kita memberikan bayaran tertentu dan terhutang budi kepada mereka. Kita terus menerus memuji dan memuliakan mereka, bahkan kita menghormati mereka dan berterima kasih lebih daripada yang sepatutnya, sedangkan al-Mun`im al-Hakikilah yang sepatutnya berhak menerima pujian dan ucapan syukur itu.

Demikianlah, rasa syukur dapat diwujudkan dengan mengetahui bahawa nikmat-nikmat tersebut adalah datang daripada-Nya secara terus, lantas menghargai nilai nikmat-nikmat itu dan merasa amat memerlukan terhadap nikmat-nikmat tersebut.

Oleh itu, puasa pada bulan Ramadan yang dimuliakan ini merupakan satu kunci kesyukuran yang sebenar, tulus, agung dan menyeluruh. Hal ini demikian kerana kebanyakan manusia tidak

menyedari nilai nikmat yang banyak ini disebabkan mereka tidak pernah merasai betapa perit azabnya rasa lapar yang sebenar. Hanya orang yang berada dalam kesempitan yang dapat merasainya.

Pada bulan-bulan yang lain, orang yang sentiasa kenyang tidak dapat menghargai nilai nikmat yang banyak ini kerana mereka tidak pernah merasa keperitan lapar yang sebenar. Sebagai contoh nikmat yang tersembunyi dalam sepotong roti kering; lebih-lebih lagi bagi mereka yang kaya raya. Hanya orang mukmin yang dapat merasainya ketika mereka berbuka puasa akan nilai sekeping roti kering ini. Hal ini membuktikan betapa berharga dan bernilainya nikmat itu melalui deria rasanya. Oleh itu, pada bulan Ramadan orang yang berpuasa, bermula daripada sultan hinggalah kepada orang yang paling miskin sama-sama akan mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t.. Hal ini demikian kerana mereka sedar betapa besar dan bernilainya nikmat itu. Mereka yang menahan diri daripada menjamah makanan pada siang hari akan menyedari bahawa ia adalah nikmat yang hakiki. Lantaran itu, mereka akan membisikkan kepada diri mereka: “Nikmat-nikmat ini bukanlah milikku. Aku tidak boleh memakannya sesuka hati kerana ia adalah milik dan kurniaan daripada seseorang. Jadi, sekarang aku sedang menunggu arahan-Nya”.

Dengan cara tersebut dia dapat memahami nikmat itu sebagai nikmat yang hakiki lantas mensyukurinya secara maknawi.

Kerana itulah, puasa telah menjadi kunci kesyukuran dari pelbagai sudut. Sesungguhnya kesyukuran merupakan tugas hakiki setiap insan.

ASPEK KETIGA

Salah satu hikmah yang menjurus kepada kehidupan sosial manusia ialah:

Manusia dicipta dan mempunyai taraf kehidupan yang berbeza. Berdasarkan perbezaan ini, Allah s.w.t. mengajak orang kaya agar menghulurkan bantuan kepada saudara-saudara mereka yang miskin. Orang kaya dapat menghayati dengan sepenuhnya keadaan kelaparan orang miskin melalui rasa lapar yang dialaminya sendiri ketika berpuasa.

Jika tidak kerana puasa, sudah pasti ramai orang kaya akan sentiasa menurut hawa nafsu mereka. Sudah pasti mereka tidak dapat merasai kelaparan dan kemiskinan yang memedihkan. Sudah pasti mereka tidak sedar betapa orang miskin amat memerlukan belas ihsan orang lain. Oleh itu, sifat belas kasihan terhadap sesama manusia merupakan salah satu faktor utama yang boleh mencetuskan

rasa syukur yang sebenar, kerana setiap orang mungkin akan berjumpa dengan orang yang lebih miskin daripadanya. Justeru, dia bertanggungjawab untuk mengasihani orang tersebut.

Jika manusia tidak dipaksa untuk merasai sendiri betapa pedihnya berlapar, sudah pasti tidak akan ada seorang pun yang akan berasa kasihan terhadap orang lain; sesuatu yang akan mendorongnya supaya membantu dan menolong sesama manusia. Perkara ini dapat dilakukan dengan wujudnya perasaan belas kasihan terhadap makhluk sepertinya. Jika seseorang itu membantu orang miskin yang kelaparan tanpa merasai sendiri kelaparan itu, sudah pasti dia tidak akan dapat menghulurkan bantuan itu dengan sempurna kerana dia sendiri tidak pernah merasai betapa perit dan sengsaranya rasa lapar itu.

ASPEK KEEMPAT

Salah satu hikmah berpuasa dalam bulan Ramadan adalah mendidik (tarbiah) nafsu manusia:

Nafsu secara tabiinya tidak suka dibelenggu dengan sebarang ikatan. Sehingga sampai ke satu tahap, secara fitrahnya nafsu itu mengimpikan sifat ketuhanan (rububiyah) bagi dirinya ia mahu bergerak bebas sebagaimana yang disukainya. Ia tidak mahu memikirkan tentang kejadiannya; yang

tumbuh membesar dari nikmat Allah s.w.t. yang tiada had. Lebih-lebih lagi jika ia memiliki kuasa dan harta yang banyak. Ini ditambah lagi dengan sifat lalai dan alpa. Dengan demikian, ia seolah-olah telah menelan nikmat Allah s.w.t. seperti seekor haiwan tanpa mendapat kebenaran dan keizinan-Nya.

Pada bulan Ramadan yang penuh berkat ini, nafsu setiap manusia, daripada orang yang paling kaya hinggalah orang yang paling miskin mula mengerti dan sedar bahawa ia bukanlah pemilik dirinya, bahkan dia adalah milik orang lain sepenuhnya. Ia tidak bebas, tetapi hamba yang mesti menurut arahan. Nafsu tidak mampu mengerakkan tangannya untuk melakukan sekecil-kecil perkara walaupun bagi mendapatkan air. Dengan cara tersebut, hancurlah tipu daya nafsunya (keinginan ingin memiliki sifat ketuhanan). Justeru ia akan terikat kepada pengabdian kepada Allah s.w.t., dan melaksanakan tugasnya yang utama iaitu bersyukur.

ASPEK KELIMA

Salah satu hikmah puasa di bulan Ramadan adalah bertujuan untuk mendidik hawa nafsu manusia dan membebaskan dirinya daripada tindakan dan kelakuan yang tidak baik:

Akibat lalai dan alpa, nafsu manusia akan

melupakan dirinya. Ia tidak mahu melihat kelemahan diri, kehendak dan kekurangan yang tidak terbatas yang terdapat dalam dirinya. Bahkan, ia tidak nampak dan tidak mahu melihat berbagai kelemahan yang tersembunyi dalam dirinya. Ia tidak sedar kedaifan dirinya, betapa ia terdedah kepada kemusnahan dan kesukaran. Ia lupa pada asal usul kejadiannya yang hanya terdiri daripada daging dan tulang yang akan rosak binasa dengan cepat. Nafsu serakah menyangka dirinya diperbuat daripada besi waja yang akan terhindar daripada kemusnahan dan kematian serta kekal abadi.

Lantaran itu, nafsu terlalu bergantung kepada dunia. Ia mencampakkan dirinya ke dalam dakapan dunia dengan membawa keinginan dan ketamakan yang amat sangat. Ia mengikat dirinya dengan dunia dengan penuh kemesraan dan semarak kasih sayang. Nafsu menguatkan cengkaman ke atas semua benda yang lazat dan bermanfaat sehingga lupa akan Penciptanya, yang telah membelanya dengan penuh kasih sayang. Ia akan terjerumus ke dalam jurang akhlak yang buruk dan melakukan maksiat dan pada masa yang sama ia lupa kepada akibat dan kesudahan hidupnya di dunia serta kehidupannya di akhirat.

Akan tetapi, melalui ibadat puasa, orang yang paling lalai dan paling degil sekalipun akan dikejutkan

dengan rasa kelemahan, keperluan (kekurangan) dan keterbatasan mereka. Melalui rasa lapar, setiap orang akan berfikir tentang keperluan perut mereka. Mereka akan ingat betapa kerdil dan lemahnya diri mereka, betapa ia memerlukan rahmat Allah s.w.t. dan belas kasihan-Nya. Lantas menimbulkan dalam dirinya satu kekuatan untuk mengetuk pintu taubat dengan segala kelemahan diri dan kekurangannya. Oleh itu mereka akan membuang sifat seperti Firaun dalam diri mereka² dengan mengetuk pintu rahmat Ilahi dengan penuh rasa kesyukuran selagi mana kelalaian tidak merosakkan hati mereka.

ASPEK KEENAM

Hikmah turunnya al-Quran pada bulan Ramadan sebagai bulan yang paling utama, ialah:

Oleh kerana al-Quran al-Karim diturunkan pada bulan Ramadan, maka segala kehendak yang buruk mestilah dihindarkan. Perkara-perkara hina dan dusta hendaklah dilontarkan jauh-jauh sebagai persediaan untuk menyambut bicara Ilahi dengan cara yang sesuai. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara mengingati kembali waktu penurunan al-Quran pada bulan Ramadan dan berusaha

2 Nun jauh di lubuk hatinya, ia berasa terlalu ingin untuk mengetuk pintu taubat Allah s.w.t., dengan penuh kelemahan dan kekerdilan yang nyata, jauh daripada perasaan takbur.

menjiwai sifat kerohanian seperti para malaikat, iaitu dengan cara meninggalkan makanan dan minuman serta berqiamullail dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran seolah-olah ayat-ayat suci itu baru sahaja diturunkan. Mereka mendengar dan menghayatinya dengan penuh khusyuk. Mereka mendengar kandungan bicara Ilahi itu untuk mencapai maqam dan kerohanian yang tinggi. Mereka membaca ayat-ayat suci al-Quran seolah-olah mereka mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w., mereka begitu tertarik mendengarnya seolah-olah mereka mendengarnya daripada Jibril a.s., bahkan daripada Allah s.w.t. sendiri, Yang Maha Berkata-kata lagi Azali. Kemudian al-Quran itu hendaklah dibaca dan diperdengarkan pula kepada orang lain sambil menjelaskan hikmah penurunannya.

Sesungguhnya pada bulan Ramadan al-mubarak, dunia Islam seolah-olahnya bertukar menjadi seperti sebuah masjid yang besar. Alangkah besarnya masjid itu, sehinggakan setiap sudut dan penjuruanya dipenuhi oleh berjuta para hafiz al-Quran al-karim. Mereka membaca kalam dari samawi (langit) itu sehingga didengari oleh penduduk bumi dengan menzahirkan kalam itu dalam bentuk yang hebat untuk membenarkan ayat suci al-Quran yang berbunyi:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ

“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran...” yang menegaskan bulan Ramadan sebenarnya ialah bulan al-Quran. Sementara orang lain yang ada dalam jemaah yang besar itu, ada yang mendengar bacaan para hafiz dan juga ada yang membacanya sendiri.

Alangkah keji dan hinanya orang yang menjauhkan diri dari masjid yang suci lagi mempunyai kedudukan yang hebat ini hanya kerana mengejar makan dan minum serta mengikut hawa nafsu yang sentiasa menyuruh ke arah kejahatan! Betapa orang itu akan diperkecilkan secara maknawi oleh ahli jemaah masjid tersebut. Begitulah keadaan orang-orang yang tidak berpuasa dan orang-orang yang menghalang orang berpuasa pada bulan yang mulia ini. Mereka akan menjadi sasaran penghinaan dan dibenci oleh seluruh dunia Islam.

ASPEK KETUJUH

Dari aspek usaha manusia yang hidup di dunia ini dengan bercucuk tanam dan mengurus niaga untuk mendapatkan keuntungan dunia dan akhirat, bulan Ramadan mempunyai hikmah seperti berikut:

Satu ganjaran pahala amalan yang dilakukan

pada bulan Ramadan al-mubarak akan digandakan menjadi seribu. Mengikuti hadis, setiap huruf al-Quran al-Karim mempunyai sepuluh pahala yang akan membuahkan hasilnya sepuluh kali ganda di syurga. Pada bulan Ramadan, setiap huruf tersebut melahirkan bukannya sepuluh, malah seribu ganjaran buah pahala di akhirat.

Sesungguhnya, setiap huruf daripada huruf-huruf ayat al-Quran seperti Ayatul-Kursi akan membuahkan seribu hasil ganjaran pahala pada hari akhirat kelak dan pada setiap hari jumaat dalam bulan Ramadan pahala tersebut akan berlipat ganda lagi dan setiap huruf akan menjadi sebanyak tiga puluh ribu kali gandaan pada malam Lailatul Qadar.

Benar, sesungguhnya al-Quran al-Karim memberikan kepada kita bagi setiap hurufnya tiga puluh ribu pahala yang abadi, umpama buah-buahan pohon Tuba yang bercahaya dan berkekalan di dalam Syurga pada bulan Ramadan untuk direbut oleh orang-orang mukmin yang tidak terkira banyaknya. Renungilah dan hayatilah perniagaan yang suci, kekal dan menguntungkan ini. Kemudian, fikirkanlah tentang mereka yang tidak menghargai nilai huruf-huruf yang suci ini. Alangkah besarnya kerugian yang ditanggung oleh mereka. Dengan lain perkataan, bulan Ramadan al-mubarak ini menyerupai sebuah perayaan perniagaan

akhirat yang sangat menguntungkan; seperti bumi yang sangat subur untuk menghasilkan hasil-hasil tanaman akhirat; Ramadan adalah umpama hujan yang turun pada musim bunga; Ramadan juga adalah umpama pesta yang besar dan perayaan yang meriah untuk mempamerkan perarakan peribadatan manusia bagi menzahirkan keagungan dan Rububiyah Ilahi.

Oleh itu, manusia disuruh berpuasa agar dia tidak terus lalai dan alpa, tidak makan dan minum yang keterlaluan seperti nafsu haiwan dan dapat mengelak daripada terus tenggelam dalam syahwat dan perkara-perkara yang tidak memberikan apa-apa faedah. Melalui puasanya, dia menjadi seumpama sebuah cermin yang membalikkan sifat al-Samadaniyah, dia keluar buat seketika daripada sifat kehaiwanan dan masuk ke dalam satu keadaan yang menyerupai malaikat, atau dia menjadi individu yang melibatkan diri dalam perniagaan akhirat dan menjauhkan diri daripada tuntutan dunia yang sementara ini.

Benar, Ramadan al-mubarak memberikan kehidupan yang kekal bagi orang yang berpuasa di dunia yang fana ini. Satu bulan Ramadan sahaja boleh memberikan kepada seseorang yang berpuasa hasil yang boleh diperolehi oleh orang yang hidup selama lapan puluh tahun. Hakikatnya, kedudukan

Lailatul Qadr yang disebut dalam al-Quran sebagai lebih baik daripada seribu bulan adalah menjadi bukti kepada rahsia ini.

Misalnya, seorang raja akan menetapkan hari tertentu pada setiap tahun pemerintahannya sama ada pada hari pertabalannya atau hari-hari kebesaran kerajaannya sebagai hari perayaan buat rakyatnya. Pada hari itu, baginda menganugerahi rakyatnya dengan ihsan, nikmat dan kebaikannya dengan diberikan sepenuh perhatian. Baginda menjemput rakyatnya masuk ke balairong serinya tanpa ada tabir dan layanan istimewa diberikan kepada mereka.

Begitulah juga dengan Yang Maha Berkuasa, Yang Azali, Yang Memiliki Ketinggian dan Kemuliaan, iaitu Sultan Yang Azali dan Abadi, dan Sultan Yang Maha Mulia bagi lapan belas ribu alam. Pada bulan Ramadan, Allah s.w.t. menurunkan perintah-Nya yang mulia lagi tinggi melalui al-Quran al-Karim yang ditujukan kepada lapan belas ribu alam tersebut. Oleh itu, ketibaan bulan yang berkat ini dianggap seperti sebuah pesta dan perayaan Ilahi yang istimewa lagi meriah. Ia seperti sebuah pameran Rabbani yang amat hebat. Bulan Ramadan umpama satu majlis kerohanian yang menakjubkan, yang merupakan satu tuntutan hikmah, hari-hari teristimewa yang meriah dan menyeronokkan. Justeru, bulan tersebut

mestilah dipenuhi dan dihidupkan dengan ibadat puasa agar manusia bebas daripada sifat-sifat yang rendah dan nafsu serakah haiwan.

Puasa yang paling sempurna ialah puasa yang melibatkan semua pancaindera manusia seperti mata, telinga, hati, dan fikiran berpuasa bersama perut. Ini bermaksud orang yang berpuasa itu hendaklah menjauhkan pancaindera tersebut daripada perkara-perkara yang haram, buruk dan tidak berfaedah serta memandu setiap pancaindera kepada pengabdian mereka yang khusus. Contohnya, bagi menahan lidah daripada bercakap bohong, mengumpat dan mengeluarkan kata-kata buruk, sentiasalah membasahkan lidah dengan membaca al-Quran al-Karim, bertasbih dan berzikir dengan memuji nama-nama-Nya, berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. dan beristighfar serta memohon keampunan ke atas dosa-dosa yang telah dilakukan.

Contoh seterusnya, menahan mata daripada melihat mereka yang bukan muhrim dalam batas-batas yang diharamkan, serta menutup telinga daripada mendengar perkataan-perkataan yang keji, hendaklah mengarahkan mata dan telinga untuk membaca dan mendengar perkara-perkara yang benar dandi dalam al-Quran. Dengan demikian, seluruh pancaindera yang lain turut berada dalam

keadaan berpuasa.

Seperti yang diketahui, perut merupakan sebuah kilang yang sangat besar. Jika ia diarahkan bercuti daripada bekerja melalui berpuasa, maka operasi bengkel-bengkel lain yang lebih kecil dapat mengikutinya dengan mudah.

ASPEK KELAPAN

Salah satu daripada pelbagai hikmah berpuasa, yang berkait dengan kehidupan peribadi manusia adalah seperti berikut:

Ibadah puasa adalah diet fizikal dan rohani yang paling mujarab bagi manusia. Dari sudut perubatan, selagi manusia makan dan minum mengikut nafsu, maka selagi itulah dia akan mendatangkan kemudaratan fizikal terhadap kehidupan peribadinya. Begitulah juga keadaan kehidupan rohaninya, kerana apabila dia makan dengan gelojohnya semua yang diperolehi, tanpa mengira halal dan haram, maka makanan itu akan meracuni kehidupan, bahkan nafsunya juga sudah sampai ke tahap mengingkari hati dan rohnya. Nafsu itu sudah tidak patuhi dan tunduk lagi kepada hati dan roh. Nafsu itu akan mengawal diri seseorang itu dengan bebas tanpa ada sebarang sekatan. Lantas, ia memandu manusia ke arah perkara-perkara yang buruk tanpa dapat dijaga dan dikawal oleh manusia

itu sendiri.

Melalui amalan berpuasa pada bulan Ramadan, nafsu akan terbiasa dengan diet tertentu. Ia akan berusaha menjadi berdisiplin dan belajar mentaati suruhan. Selanjutnya ia tidak akan mengundang penyakit yang disebabkan oleh perut yang kekenyangan dan yang disumbat dengan pelbagai jenis makanan sebelum makanan yang terdahulu dapat dihadamkan. Ia juga akan beroleh kekuatan untuk mendengar perintah yang datang daripada akal dan syarak serta berusaha menghindarkan diri daripada terjatuh ke lembah yang haram dan berusaha untuk tidak mengeruhkan kehidupan maknawinya.

Selain itu, pada kebiasaannya, kebanyakan manusia kerap kali menderita kelaparan. Oleh itu, mereka memerlukan suatu latihan berbentuk kelaparan dan disiplin yang dapat membiasakan manusia bersabar dan mampu menanggung kesusahan.

Puasa pada bulan Ramadan merupakan satu latihan. Ia merupakan satu proses membiasakan diri untuk berpuasa dan bersabar menahan lapar selama 15 jam atau 24 jam bagi mereka yang tidak sempat bersahur. Oleh itu, puasa merupakan ubat yang mujarab untuk mengubat kegelisahan dan

kegopohan manusia dan ketidakupayaan mereka untuk menanggung perkara-perkara yang boleh menambahkan lagi musibah dan dugaan.

Begitu juga dengan perut. Ia bagaikan sebuah kilang yang mempunyai ramai pekerja. Di dalam badan manusia itu terdapat organ-organ yang mempunyai hubungan dan kaitan dengan perut tersebut. Sekiranya bahagian dalaman badan tidak berhenti melakukan aktiviti pada waktu siang selama sebulan, maka perkara ini akan menyebabkan pekerja-pekerja tersebut lupa tugas khusus mereka. Ia akan membuatkan mereka lalai dan lupa. Ia akan menjadikan mereka berada di bawah pengaruh nafsu. Akibatnya, alat dan organ lain akan rosak, berserabut dan terganggu kerana bunyi dan asap tebal yang keluar dari mesin kilang maknawi tersebut. Ia akan terus-menerus mementingkan diri sendiri dan akan melupakan tugas pentingnya buat seketika. Disebabkan perkara inilah, kebanyakan para wali Allah s.w.t. yang soleh berusaha melatih diri mereka dengan mengurangkan makan dan minum supaya mereka dapat memanjat tangga kesempurnaan.

Akan tetapi, dengan berpuasa dalam bulan Ramadan, para pekerja tersebut menyedari bahawa mereka bukan dijadikan untuk kilang itu sahaja, bahkan mereka (organ dan pancaindera itu) juga

dapat mengecapi kelazatan yang tinggi. Mereka turut dapat mengalami kesucian kerohanian seperti malaikat dalam bulan yang mulia itu. Daripada terus lalai dan berfoya-foya dengan kilang itu, mereka memilih untuk memusatkan perhatian mereka kepada kelazatan dan nikmat tersebut. Oleh itu, kamu dapat melihat orang mukmin pada bulan Ramadan al-mubarak mendapat pelbagai cahaya, kelebihan dan kegembiraan maknawi, bergantung kepada tahap dan kedudukan masing-masing. Terdapat pelbagai peningkatan dan kemajuan yang besar bagi fakulti-fakulti yang halus seperti hati, roh, akal, sir³ dan seumpamanya. Sekalipun perut menangis dan menjerit, semua anggota yang lain ketawa dan gembira dalam keadaan suci.

ASPEK KESEMBILAN

Dari segi aspek pengabdian yang diperkenalkan melalui pemusnahan nafsu itu dan dari segi menzahirkan kelemahannya di hadapan Allah s.w.t., puasa bulan Ramadan memberikan hikmah seperti berikut:

Sesungguhnya hawa nafsu tidak mahu mengenali Tuhannya. Nafsu ingin memiliki sifat ketuhanan seperti Firaun. Walaupun nafsu diazab dan dikasari, namun sifat ketuhanan yang disangka menjadi

miliknya itu tetap ada. Keangkuhan tersebut hanya akan tunduk apabila berhadapan dengan kelaparan.

Puasa dalam bulan Ramadan memberi pukulan maut kepada sikap umpama Firaun yang tertanam dalam nafsu. Lalu, puasa itu mematahkan kuasa nafsu tersebut dengan menzahirkan keterbatasan, kelemahan dan kekerdilannya serta membuatkan nafsu itu kenal bahawa ia adalah hamba.

Ada disebutkan dalam salah satu riwayat hadis: Allah s.w.t. telah berfirman kepada nafsu:

من أنا وما أنت؟ “Siapakah Aku dan siapakah kamu?”

Nafsu menjawab:

أنا أنا، أنت أنت “Aku adalah aku, kamu adalah kamu.”

Lalu Allah s.w.t. mengazabnya dan menghumbankannya ke dalam neraka. Kemudian nafsu itu ditanya sekali lagi, nafsu menjawab :

أنا أنا، أنت أنت “Aku adalah aku, kamu adalah kamu.”

Sekalipun pelbagai azab dikenakan kepadanya, sifat keakuannya tidak berubah... kemudian Allah s.w.t. mengazabnya dengan kelaparan, iaitu dengan

membiarkannyanya lapar. Kemudian nafsu ditanya lagi:

من أنا وما أنت؟ “Siapakah Aku dan siapakah kamu?”

Nafsupun menjawab:

أَنْتَ رَبِّي الرَّحِيمُ وَأَنَا عَبْدُكَ الْعَاجِزُ

“Kamu adalah Tuhanku Yang Maha Mengasihani dan aku adalah hamba-Mu yang lemah”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَوةً تَكُونُ لَكَ رِضَاءً
وَلِحَقِّهِ آدَاءً بَعْدَ دُثْوَابِ حُرُوفِ الْقُرْآنِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Ya Allah! Selawat dan salam buat junjungan kami nabi Muhammad s.a.w.; selawat yang berupa reda buat-Mu dan kurniakanlah kepada baginda bilangan pahala huruf-huruf di dalam al-Quran pada bulan Ramadan, juga buat ahli keluarga dan para sahabat baginda dan kurniakan kepada mereka kesejahteraan yang melimpah-ruah. Amin.⁴

4 **Harap Maaf:** Risalah ini ditulis secara tergesa-gesa selama lebih kurang empat puluh minit sahaja. Oleh kerana saya dan penulis tidak berapa sihat dan kami agak keletihan, sudah pasti terdapat beberapa kesilapan dan kekurangan dalam susunannya. Saya berharap saudara-saudara dapat melihatnya secara toleransi. Sesiapa sahaja boleh membetulkan mana-mana bahagian yang difikirkan perlu.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى
الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ آمِينَ

*“Maha Suci Tuhanmu yang mempunyai
keperkasaan daripada apa yang mereka lakukan.
Dan kesejahteraan dilimpahkan ke atas para rasul.
Dan segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. Tuhan
semesta alam.” (al-Safat, 180-184)*

Risalah Iqtisad

Risalah ini⁵ adalah berkenaan dengan iqtisad (berjimat cermat), qana'ah (merasa cukup) israf (membazir) dan tabzir (pembaziran).

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا

“...dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau...” (al-A'raf, 31)

5 Dipetik daripada kitab “Lamaat”, dalam Lamaat Kesembilan Belas

ASPEK PERTAMA

Ayat yang mulia ini memberikan satu pengajaran yang amat penting dan penuh bijaksana tentang arahan untuk berjimat cermat dan larangan pembaziran. Perkara ini terbahagi kepada tujuh aspek.

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang Maha Pencipta dan Maha Mengasihani meminta manusia bersyukur dan memuji atas segala nikmat, kurniaan dan pemberian-Nya.

Hal ini demikian kerana sifat israf (membazir) adalah bertentangan dengan sifat iqtisad.

Sifat israf (membazir) amat bercanggah dengan sifat kesyukuran kerana israf (membazir) itu merupakan satu penghinaan terhadap nikmat yang diberi. Manakala sifat iqtisad atau jimat cermat pula merupakan satu bentuk kesyukuran dan penghormatan terhadap rahmat Ilahi yang tersembunyi di sebalik kebaikan, nikmat, keberkatan dan kesihatan tubuh badan yang mampu menjauhkan diri daripada perbuatan meminta-minta.

Iqtisad juga adalah satu cara yang kukuh untuk kita merasai nikmat-nikmat yang zahirnya tidak kelihatan. Oleh kerana israf (membazir) itu bertentangan dengan semua hikmah yang disebutkan di atas, maka akibatnya amatlah buruk.

ASPEK KEDUA

Sesungguhnya *al-Fatir al-Hakim* telah mencipta tubuh badan manusia seumpama sebuah istana yang sempurna dan bagaikan sebuah bandar yang tersusun. Dia juga menjadikan deria rasa yang terdapat dalam mulut umpama seorang pengawal yang setia. Manakala urat saraf dan saluran darah sama seperti wayar telefon dan telegraf yang melaluinya berlaku komunikasi antara deria rasa dengan perut yang terletak di tengah-tengah badan manusia. Deria rasa itu menyampaikan isyarat tentang segala bahan yang masuk ke dalam mulut, dan menahan serta menghalang segala benda yang memudaratkan dan tidak diperlukan daripada memasuki badan dan perut dengan berkata kepadanya 'Dilarang masuk', lalu membuangnya keluar. Ibarat membuang segala benda yang tidak bermanfaat daripada tubuh badan, diludah keluar dengan penuh penghinaan, kerana tidak memberi manfaat bahkan memudaratkan dan pahit. Oleh sebab deria rasa yang terdapat dalam mulut berperanan sebagai pengawal maka perut pula menjadi ketua dan pentadbir dari sudut pengendalian sistem badan.

Umpamanya, jika sesuatu hadiah yang diberikan kepada raja bernilai seratus dinar, maka hanya lima peratus daripada nilai hadiah itu sahaja yang

layak diberikan kepada pengawal, tidak boleh lebih daripada itu. Hal ini agar pengawal itu tidak terpedaya lalu melupakan tugas hakikinya dan membenarkan sesiapa sahaja yang memberi sogokan yang lebih besar merempuh istana dan melakukan kerosakan.

Berdasarkan peranan ini, kita andaikan bahawa di hadapan kita sekarang terdapat dua jenis makanan. Satu jenis terdiri daripada bahan yang berkhasiat, seperti keju dan telur, yang harganya beberapa ringgit, manakala yang kedua terdiri daripada kuih muih yang mewah bernilai berlipat ganda. Kedua-dua jenis makanan tersebut sama sahaja sebelum masuk ke dalam mulut, memberi faedah kepada tumbesaran tubuh badan. Bahkan mungkin keju yang berharga satu ringgit itu boleh memberikan khasiat yang lebih baik dan lebih bermanfaat berbanding kuih muih tadi. Oleh itu, tiada perbezaan di antara kedua-duanya melainkan dari sudut melayan deria rasa yang terdapat dalam mulut, yang hanya mengambil masa tidak sampai setengah minit pun. Oleh itu, maka hendaklah diketahui betapa besarnya kemudaratan akibat *israf* (*membazir*) dan betapa jahilnya tindakan membelanjakan berpuluh-puluh ringgit, berbanding beberapa ringgit, untuk memperoleh kelazatan yang seketika.

Demikianlah juga halnya jika pengawal istana itu diberikan ganjaran sebanyak sembilan kali

ganda daripada hadiah yang diberikan kepada raja, maka pemberian tersebut sudah pasti akan menyebabkan pengawal itu berasa takbur dan gelojoh sehingga mendorongnya untuk berkata: "Akulah pemilik istana ini!". Justeru, sesiapa yang memberikan hadiah atau kemewahan kepada pengawal itu lebih daripada sepatutnya, maka dia akan dibenarkan masuk ke dalam istana. Tindakan ini akan menyebabkan kerosakan kepada peraturan yang ada. Umpama menyalakan api dengan marak dan menyebabkan tuannya berteriak meminta pertolongan sambil berkata: "Tolonglah panggilkan doktor, suruhlah dia kurangkan kesakitanku, dan hilangkan kepanasanku."

Maka sifat *iqtisad* dan *qana'ah* amat selari dengan hikmah Ilahi. Kedua-duanya menganggap deria rasa seperti pengawal dan memberikan ganjaran yang setimpal dengan tugasnya.

Sifat *israf* (*membazir*) pula adalah bertentangan dengan hikmah Ilahi. Orang yang boros akan segera menerima kesan yang menyakitkan akibat daripada sifatnya itu. Umpama, perut yang menerima percampuran pelbagai jenis makanan yang menyakitkan sehingga menyebabkan hilangnya selera yang sebenar terhadap makanan lalu dia hanya makan dengan selera yang palsu dan dibuat-buat dengan mempelbagaikan jenis makanan sehingga menimbulkan masalah penghadaman dan mengundang penyakit.

ASPEK KETIGA

Pada aspek kedua yang lalu, kita telah berbicara tentang deria rasa yang berperanan sebagai pengawal. Perkara ini memang ada pada orang-orang yang lalai, yang tahap kerohanian mereka belum sempurna dan belum mampu menzahirkan makna syukur yang sebenar. Adalah tidak wajar bagi seseorang melakukan pembaziran seperti mengeluarkan belanja sepuluh kali ganda daripada harga sebenar untuk sesuatu makanan semata-mata untuk memenuhi kehendak deria rasa yang tugasnya hanya sebagai 'pengawal'.

Tetapi deria rasa bagi orang-orang yang bersyukur dengan sebenar-benar syukur; ahli hakikat dan yang mempunyai pandangan mata hati yang mendalam, pancaindera tersebut berada pada kedudukan seumpama seorang penyelia dan pemeriksa kepada dapur-dapur rahmat Ilahi (sepaimana dijelaskan dalam perbandingan yang terdapat pada "Kalimah Keenam"). Segala proses yang berlaku pada pancaindera tersebut (lidah yang merasa), seperti proses mengenal pasti dan menilai pelbagai nikmat Ilahi melalui neraca halus lagi teliti serta sensitif yang bilangannya sebanyak jenis-jenis makanan yang ada, semuanya bertugas menyampaikan maklumat-maklumat nikmat tersebut kepada badan dan perut sebagai satu bentuk kesyukuran. Maka, ia adalah

satu bentuk kesyukuran maknawi.

Oleh itu, tugas deria rasa tidak terbatas kepada penjagaan tubuh badan dari sudut fizikalnya sahaja, bahkan ia juga melaksanakan tugas yang lebih 'tinggi' kedudukannya berbanding dengan tugas perut, kerana ia turut menjaga dan memelihara hati, roh dan akal.

Perlu diketahui, ia juga boleh menikmati kelazatan dengan syarat tidak israf (membazir) ketika ia melaksanakan tugas bersyukur secara ikhlas atas segala yang ditakdirkan baginya, dengan niat mengenal pasti dan memerhati pelbagai jenis nikmat Ilahi dengan merasai dan menyelami keenakannya, dilakukan mengikut syarak dan tidak menjerumuskannya ke jalan kehinaan dan perbuatan meminta-minta. Maksudnya kita boleh menggunakan lidah yang mempunyai deria rasa itu untuk bersyukur kepada Allah s.w.t. ketika kita mahu membeza-bezakan antara makanan yang lazat.

Terdapat sebuah peristiwa yang juga merupakan keramat Syeikh Abdul Qadir al-Jailani yang berhubung dengan hakikat ini; seorang wanita tua yang penyayang mempunyai seorang anak lelaki tunggal yang dididik oleh Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Pada suatu hari, wanita tua yang dihormati menziarahi anaknya. Beliau melihat anaknya sedang memakan sekeping roti kering yang sudah berubah

warnanya. Anaknya itu juga sedang melakukan latihan kerohanian yang intensif sehingga badannya kelihatan lemah dan kurus. Keadaan tersebut menimbulkan perasaan belas kasihan pada diri wanita tua tersebut yang penyayang terhadap anaknya. Lalu dia pergi menemui Syeikh Abdul Qadir al-Jailani untuk mengadukan keadaan yang dilihatnya.

Namun dia terperanjat kerana melihat Syeikh Abdul Qadir al-Jailani sedang menikmati seekor ayam panggang. Lantaran itu, dengan kelembutannya, dia berkata: “Wahai syeikh! Anakku hampir mati kebuluran sedangkan kamu di sini sedang menikmati ayam panggang?!” Lalu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani berkata kepada ayam tersebut:

قم بإذن الله *“Bangunlah dengan izin Allah s.w.t.!”*

Lalu ayam yang telah dimasak itu melompat keluar dari bekasnya, menjadi ayam hidup yang sempurna dengan segala tulang-tulangnya bercantum semula. Cerita ini telah dinukilkan secara *mutawatir maknawi*⁶ oleh ramai orang yang *thiqah*

6 *Mutawatir maknawi* ialah sesuatu yang diriwayatkan oleh banyak kumpulan yang mempunyai ramai manusia sehingga akal mengatakan mustahil mereka berpakat untuk melakukan pembohongan, walaupun kadang-kadang lafaz yang digunakan bagi periwatan tersebut adalah berbeza-beza namun masih membawa makna yang sama.

(dipercayai)⁷ dan menunjukkan salah satu daripada keramat seorang yang masyhur di dunia, iaitu Syeikh Abdul Qadir al-Jailani r.h. Beliau berkata: “Jika anakmu telah mencapai tahap ini, dia juga boleh makan ayam sebegini.”

Demikianlah, maksud ucapan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani r.h.: “Jika roh dapat mengawal jasad, dan hatinya dapat mengawal nafsu dan akal nya dapat mengawal perutnya dan dia dapat mencari kelazatan untuk bersyukur, maka pada ketika itu dia boleh mengambil makanan yang lazat.”

ASPEK KEEMPAT

Sesungguhnya seseorang yang beriqtisad tidak akan mengalami kemiskinan dan kefakiran sebagaimana mafhum sebuah hadis:

7 Al-Yai'i r.a. berkata: Diriwayatkan secara sahih dengan sanad yang bersambung kepada al-Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani r.h.: bahawa ibu kepada seorang pemuda datang berjumpa dengan syeikh yang ketika itu syeikh sedang menjamah makanan berlaukan ayam. Ibu tersebut tidak dapat menerima syeikh memakan ayam sedangkan anaknya hanya memakan makanan yang tidak sempurna. Lalu syeikh berkata kepada ibu tersebut: “Apabila anak engkau boleh berkata kepada ayam itu atau seumpamanya ‘bangunlah dengan izin Allah s.w.t.’, lalu ayam itu bangun serta mempunyai kepak dan terbang dengannya, barulah layak dia memakannya.” (al-Fatawa al-Hadithiyah, Ibn Hajar, hlm. 80) - Penterjemah

لَا يَعُولُ مَنْ اقْتَصَدَ⁸

“Orang yang ber*iqhtisad* tidak akan menjadi fakir.”

Terdapat terlalu banyak bukti yang menunjukkan bahawa *iqhtisad* merupakan sebab yang pasti dan asas yang teguh bagi mendapat keberkatan dan memperoleh kehidupan yang lebih baik dalam sesebuah keluarga. Antaranya ialah pengalaman yang saya lihat sendiri dengan disaksikan oleh mereka yang membantu dan memberikan perkhidmatan dan bersahabat dengan saya. Kadang-kadang saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya mendapat sepuluh kali ganda keberkatan hasil daripada sifat *iqhtisad* ini. Ceritanya begini:

Sembilan tahun yang lalu,⁹ beberapa orang ketua puak yang turut dibuang daerah bersama-sama saya di Burdur mendesak agar saya menerima zakat mereka, supaya saya tidak terjerumus ke dalam kehinaan dan kemiskinan lantaran duit sedikit yang saya miliki ketika itu. Lalu saya berkata kepada mereka, para ketua yang kaya raya itu: “Meskipun duit saya amat sedikit, tetapi saya mempunyai sifat

8 **لَا يَعُولُ مَنْ اقْتَصَدَ** yang bermaksud: “Sesiapa yang ber*iqhtisad* tidak akan menjadi fakir”, diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Ibn Mas‘ud (Kashf al-Khafa’ 2/189); lihat juga 1/158.

9 Iaitu sembilan tahun sebelum tahun 1926. - Penterjemah

iqtisad dan saya sudah biasa dengan sifat *qana'ah*. Sebenarnya saya lebih kaya daripada kamu.”

Lalu saya tidak menerima tawaran mereka walaupun mereka menawarkannya berkali-kali. Perlu dinyatakan di sini bahawa beberapa orang daripada mereka yang menawarkan wang zakat mereka kepada saya, dua tahun selepas itu telah dibebani hutang yang banyak, kerana mereka tidak hidup ber*iqtisad*. Tetapi duit sedikit yang saya miliki itu mencukupi buat saya selama lebih tujuh tahun. Alhamdulillah, dengan berkat *iqtisad* yang saya amalkan, air muka saya tidak pun terhina dan tercalar. Saya tidak pernah terpaksa meminta-minta daripada manusia. Satu daripada prinsip yang saya jadikan pegangan hidup adalah ‘tidak mengharapkan pertolongan orang’, menyebabkan maruah diri saya tidak tercalar.

Tegasnya, sesiapa yang tidak mengamalkan *iqtisad* akan terjerumus ke dalam lembah kehinaan, kerendahan dan perbuatan meminta-minta secara maknawi.

Sesungguhnya harta yang digunakan secara membazir pada masa kini adalah harta yang amat mahal nilainya. Kadang-kadang, kehormatan dan kemuliaan diri terpaksa dikorbankan untuk mendapatkan sesuatu. Bahkan kadang-kadang

nilai-nilai agama yang suci dirampas kerananya. Lantaran itu, kita hanya memperoleh beberapa kepingan wang yang akan mencelakakan kehidupan kita. Maksudnya kita hanya mendapat beberapa keping wang material, tetapi terpaksa mengorbankan kemuliaan ratusan ringgit wang maknawi yang bersifat kerohanian.

Sedangkan jika seseorang itu hanya bergana`ah dan membataskan dirinya kepada keperluan-keperluan utama, serta menghadkan usaha padanya, nescaya dia akan dapati rezekinya mencukupi untuk kehidupannya dalam keadaan yang tidak diduga. Ini berdasarkan rahsia Ayat-ayat al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ
 وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

“Sesungguhnya Allah s.w.t. Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya.” (al-Zariyat, 58) “Dan tiadalah sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah s.w.t. jualah yang menanggung rezekinya...” (Hud, 6)

Ayat-ayat di atas pula secara terang-terangan memberikan janji yang pasti bahawa setiap orang tentu akan disediakan rezeki yang mencukupi baginya. Rezeki terbahagi kepada dua:

Pertama: Rezeki haqiqi (sebenar), ialah rezeki yang kehidupan seseorang bergantung kepadanya. Rezeki bahagian ini termasuk dalam jaminan Allah s.w.t. berdasarkan ayat al-Quran di atas. Setiap orang pasti akan memperoleh rezeki ini walau bagaimana keadaan sekalipun, selagimana dia tidak cenderung kepada keburukan. Rezeki ini tetap diperolehnya tanpa dia perlu menggadai agama atau mengorbankan kemuliaan dan harga dirinya.

Kedua: Rezeki *majazi* (kiasan), merupakan rezeki yang tidak digunakan dengan baik berikutan kegagalan membezakan antara keperluan dan kehendak. Maka seseorang itu tidak dapat memutuskan dirinya daripada kehendak-kehendak yang mendesak, bertukar menjadi keperluan baginya, kerana dia ditimpa dengan penyakit *taqlid* (mengikut orang). Harga untuk mendapatkan rezeki ini pula amat mahal terutamanya pada zaman ini, kerana ia tidak termasuk di bawah jaminan Allah s.w.t. Kadang-kadang, rezeki itu diperolehi hasil daripada pengorbanan yang terpaksa dilakukan terhadap kemuliaannya, sehinggakan dia sanggup menerima kehinaan. Bahkan kadang-kadang ia

sampai ke tahap jatuh tersembam ke lembah meminta-minta secara maknawi dan sanggup mencium kaki manusia yang rendah dan hina. Lebih teruk daripada itu, kadang-kadang dia memperoleh harta yang hina dan tidak berkat hasil daripada tindakannya mengorbankan nilai-nilai agamanya yang merupakan cahaya bagi kehidupan abadinya.

Pada masa yang sama, orang yang masih memiliki sifat simpati akan merasa terganggu melihat penderitaan orang lain di sekitarnya dan menyebabkan kesenangan yang dimiliki dengan cara yang tidak menepati syarak tidak dapat dinikmati sepenuhnya. Keadaan ini akan lebih bertambah pahit jika mereka mempunyai empati diri yang tinggi.

Oleh itu, pada zaman yang penuh dengan keajaiban ini, sepatutnya seseorang hanya berasa cukup dengan keperluan utamanya sahaja daripada hartanya yang diragui kehalalannya. Ini berdasarkan kaedah "*dalam keadaan darurat kita hanya mengambil sekadar keperluan sahaja*", iaitu dibolehkan mengambil ketika terpaksa daripada harta yang haram sekadar melepaskan keperluan yang mendesak dan tidak lebih daripada itu. Umpama seseorang yang sedang berada dalam keadaan *darurat* tidak boleh memakan makanan yang syubhah (diragui) hingga kenyang, bahkan dia

hanya dibolehkan untuk memakan sekadar jumlah yang boleh menghalangnya daripada kematian. Demikianlah juga, tidak seharusnya sesuatu makanan dimakan dengan begitu gelojoh sekali di hadapan seratus orang yang sedang kelaparan.

Satu peristiwa benar bagi menunjukkan bahawa iqtisad adalah sebab kepada kemuliaan dan kesempurnaan ialah seperti berikut:

Hatim al-Ta'iyy yang masyhur sebagai seorang yang sangat pemurah telah mengadakan satu jamuan yang istimewa pada suatu hari. Dia juga memberikan hadiah-hadiah yang mahal kepada para tetamu yang hadir. Kemudian dia keluar bersiar-siar di kawasan padang pasir. Lalu dia terlihat seorang tua yang miskin sedang memikul bebanan berat yang terdiri daripada kayu api, rumput dan duri yang menusuk ke bahagian tubuhnya dan mengalir darah daripadanya. Lalu Hatim menegur lelaki tua tersebut:

“Wahai orang tua! Pada hari ini, Hatim al-Ta'iyy sedang mengadakan jamuan yang istimewa dan memberikan hadiah-hadiah yang mahal. Pergilah kepadanya, engkau akan mendapatkan keuntungan berganda-ganda lebih dari ganjaran yang engkau dapati hasil dari bebanan berat yang engkau pikul ini!”

Lelaki tua yang muqtasid (berjimat cermat) itu berkata: “Aku tetap akan memikul bebanan ini dengan kemuliaan diriku dan peluh dahiku! Aku tidak rela dipengaruhi akibat menerima pemberian Hatim al-Ta’iyy.”

Pada suatu hari, apabila Hatim ditanya: “Pada pandangan engkau, siapakah manusia yang lebih mulia dan pemurah daripada engkau?” Beliau menjawab: “Lelaki tua yang muqtasid yang aku temui di padang pasir tempoh hari. Sesungguhnya aku mendapati dia lebih mulia, tinggi dan pemurah daripadaku.”

ASPEK KELIMA

Sesungguhnya antara kesempurnaan sifat al-Rahmaniyah ialah Dia membenarkan orang yang paling fakir pun dapat merasai kelazatan pelbagai nikmat-Nya, sebagaimana ia boleh dirasai oleh orang yang paling kaya. Seorang fakir boleh dapat merasa kelazatan sebagaimana juga seorang sultan.

Namun, seorang fakir yang memakan sepotong roti kering yang terlebih bakar berasa lebih lazat lantaran kelaparan dan sifat iqtisad yang dimilikinya. Kelazatan ini mengatasi nikmat yang dirasai oleh seorang raja dan seorang kaya ketika

memakan makanan mewah dengan rasa jemu dan tiada keinginan untuk memakannya akibat *israf* (*membazir*) yang dilakukan.

Amatlah menghairankan apabila orang yang melakukan *israf* (*membazir*) dan pembaziran menuduh orang-orang yang beriqtisad itu sebagai bakhil. Amatlah tidak patut! Bahkan hakikatnya beriqtisad mencerminkan kemuliaan dan kemurahan. Manakala kebakhilan dan kehinaan itu adalah perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang melakukan *israf* (*membazir*) dan pembaziran, walaupun pada zahirnya ia kelihatan seperti kemurahan.

Terdapat satu kejadian yang berlaku dalam bilik saya sendiri di penjara Isparta pada tahun selesainya risalah ini ditulis yang meneguhkan hakikat ini. Kisahnya adalah:

Salah seorang murid saya berkeras supaya saya menerima hadiahnya, iaitu madu yang beratnya dua auns setengah walaupun ia bertentangan dengan prinsip hidup saya.¹⁰ Walaupun saya sudah cuba menjelaskan kepadanya tentang keperluan dan kepentingan untuk berpegang teguh kepada prinsip tersebut, namun dia tetap tidak berpuas hati dan

10 Iaitu bahawa Ustaz Badiuzzaman Said Nursi tidak menerima sesuatu hadiah tanpa dibayar akan harganya.

mendesak. Lalu saya terpaksa menerima hadiah tersebut dengan niat supaya tiga orang sahabat yang tinggal bersama saya turut berkongsi madu tersebut dan memakannya secara beriqtsad sepanjang tiga puluh atau empat puluh hari daripada bulan Sya'ban dan Ramadan. Dengan itu, murid saya yang memberikan madu itu memperoleh pahala dan sahabat-sahabat saya pula dapat memakan madu. Saya berpesan kepada sahabat-sahabat saya tadi agar menerima hadiah tersebut bagi pihak saya, kerana ketika itu saya sudah pun mempunyai satu auns madu.

Sahabat-sahabat saya yang bertiga itu adalah orang-orang yang benar-benar istiqamah, dan amat menghargai sifat iqtisad dengan sebenar-benarnya. Namun, dengan sebab tindakan mereka yang terlalu mahu memuliakan dan menjaga hati sesama mereka serta terlalu mengutamakan orang lain, maka mereka terlupa hakikat bersederhana itu. Mereka menghabiskan madu yang ada pada mereka dalam masa tiga malam sahaja. Lalu saya berkata kepada mereka sambil tersenyum:

“Niat saya adalah agar kamu dapat merasa madu itu selama tiga puluh hari atau lebih. Tetapi kamu menghabiskannya dalam masa tiga malam sahaja. Tahniah kepada kamu!”

Sedangkan saya menggunakan madu yang ada pada saya dengan iqtisad sepanjang bulan Sya'ban dan Ramadan. Alhamdulillah, madu itu telah menyebabkan saya memperoleh pahala yang besar kerana saya memberikan satu sudu besar madu kepada setiap orang sahabat saya itu setiap kali waktu berbuka puasa.

Mungkin orang yang melihat keadaan saya menyangka bahawa saya berada dalam keadaan bakhil (kerana tidak memakan banyak madu), dan menganggap keadaan sahabat-sahabat saya pada tiga malam tersebut sebagai keadaan yang dipenuhi dengan kemuliaan! Sebenarnya, kita dapat saksikan bahawa di sebalik kebakhilan zahir tersebut terdapat kemuliaan yang tinggi, keberkatan yang luas dan pahala yang besar dari sudut hakikat. Di sebalik kemuliaan yang disangkakan melalui pemborosan tersebut terdapat perbuatan meminta-minta dan mengintai-ngintai apa yang ada pada orang lain dengan penuh perasaan berkehendak dan keadaan yang tamak.

ASPEK KEENAM

Terdapat perbezaan yang besar antara iqtisad dan kebakhilan. Perbezaannya sama seperti perbezaan yang terdapat antara sifat tawadhu` yang merupakan akhlak mahmudah (terpuji) dengan sifat

menghina diri yang merupakan akhlak mazmumah (hina), meskipun kedua-duanya kelihatan sama dari sudut zahir. Perbezaannya juga sama dengan mempunyai kehormatan yang merupakan antara sifat mahmudah dengan takbur yang merupakan antara sifat mazmumah, sedangkan kedua-duanya adalah sama dari sudut zahir.

Begitu jugalah keadaannya dengan sifat iqtisad yang merupakan sifat kenabian yang tinggi bahkan ia adalah antara paksi yang berputar di atasnya sistem hikmah Ilahi yang menguasai alam ini. Ia sama sekali tidak mempunyai hubungan dengan kehinaan yang terhasil melalui campuran kerendahan, kebakhilan, ketamakan dan kehalobaan, cuma yang ada kesamaan dari sudut zahirnya sahaja. Bagi menyokong hakikat di atas:

Pada suatu hari, ‘Abdullah ibn ‘Umar ibn al-Khattab (r.a.)¹¹ berbalah hebat ketika berurusan di pasar atas suatu barangan yang nilainya tidak sampai satu ringgit pun, kerana mahu menjaga sifat iqtisad dan memelihara sifat amanah dan istiqamah yang sepatutnya menjadi paksi ketika berjual beli. Pada masa itu, kejadian tersebut disaksikan oleh seorang sahabat lain, lalu sahabat tersebut

11 Beliau adalah anak Sayyidina Umar (r.a.) yang paling tua, salah seorang Abdullah yang tujuh yang masyhur, dan antara ulama sahabat yang paling menonjol lagi mulia.

menyangka ia adalah tindakan yang hina, dan amat tidak patut berlaku daripada seorang yang hebat seperti Ibn ‘Umar, anak Saidina Umar al-Khattab (r.a.), khalifah Islam. Lalu sahabat tersebut mengikut Ibn ‘Umar pulang ke rumahnya untuk memahami apa sebenarnya yang berlaku. Dia melihat Ibn ‘Umar menghabiskan sedikit waktunya berbual-bual penuh adab dan mesra dengan seorang miskin di hadapan rumahnya. Kemudian dia keluar dari pintu kedua rumahnya dan berbual-bual pula dengan seorang lagi orang miskin di situ. Keadaan tersebut menambahkan lagi keinginan sahabat tersebut untuk mengetahui apa sebenarnya yang berlaku, lalu dia bersegera pergi kepada kedua-dua orang miskin itu untuk bertanya:

“Bolehkah kamu berdua menceritakan kepadaku apa sebenarnya yang dilakukan oleh Ibn Umar kepada kamu berdua?”

Mereka menjawab: “Dia memberikan seketul emas kepada setiap orang daripada kami.” Jawapan tersebut amat memeranjatkan sahabat itu, lalu dia berkata: “Subhanallah! Di pasar, dia bersungguh-sungguh berbalah dan bertengkar hanya kerana satu ringgit sahaja, kemudian di rumahnya dia memberikan dengan penuh kerelaan pemberian yang besar yang berjumlah ratusan kali ganda daripada apa yang diperbalahkannya di pasar kepada dua

orang miskin yang memerlukan, tanpa sesiapa menyedarinya. Lalu sahabat tersebut bersegera menemui Ibn ‘Umar dan bertanya kepadanya:

“Wahai imam! Bolehkah anda menyelesaikan masalah saya ini? Di pasar, anda berbuat sekian sekian, namun di rumah anda berbuat sekian sekian pula?” Ibn ‘Umar menjawab: “Apa yang berlaku di pasar adalah hasil daripada sifat beriqtisad dan hikmah. Aku melakukannya demi menjaga amanah dan memelihara sifat benar yang kedua-duanya menjadi asas dan roh berjual beli. Ia bukanlah kehinaan dan kebakhilan. Apa yang berlaku di rumah pula adalah lahir daripada perasaan belas kasihan dan kasih sayang yang terdapat di dalam hati serta daripada ketinggian dan kesempurnaan rohani. Apa yang berlaku di pasar bukanlah kehinaan dan apa yang berlaku di rumah bukanlah *israf* (*membazir*)”.

Imam Abu Hanifah al-Nu‘man pernah berkata dalam hal ini: “Tiada *israf* (*membazir*) dalam perkara khair (kebaikan), sebagaimana tiada khair dalam *israf* (*membazir*)”. Bermaksud sebagaimana tiadanya *israf* (*membazir*) dalam perkara khair dan kebajikan kepada orang yang berhak menerimanya, begitu juga tiada khair pada *israf* (*membazir*) sama sekali.

ASPEK KETUJUH

Sesungguhnya *israf* (*membazir*) akan menyebabkan ketamakan. Ketamakan akan melahirkan tiga natijah:

Natijah Pertama: Tidak berqana'ah. Tidak berqana'ah akan menjadikan seseorang malas berusaha dan bekerja, kerana sifat ini akan menghembuskan sifat suka merungut ke dalam diri orang yang tamak sebagai ganti daripada sifat bersyukur. Ini akan mencampakkannya ke dalam dakapan sifat malas. Lalu dia meninggalkan harta sedikit yang diperolehi daripada sumber yang halal¹² dan bersegera mencari harta tidak halal yang mudah dan senang untuk diperolehi, sehingga sanggup memusnahkan kehormatan dirinya sendiri demi mencapainya.

Natijah Kedua: Kekecewaan dan Kerugian. Kerana ketamakan akan menjadikan matlamat orang yang tamak itu tidak tercapai, kerana dia akan sentiasa terdedah kepada kesulitan dan kepayahan

12 Kerana dengan sebab jauh daripada sifat iqtisad akan menyebabkan penggunaan menjadi banyak, tetapi penghasilan berkurang. Lalu semua orang akan mengharapkan pihak kerajaan memenuhi keperluan mereka. Pada masa itu, pembuatan, perniagaan dan pertanian yang merupakan paksi kehidupan kemasyarakatan akan berkurangan. Selanjutnya masyarakat akan runtuh dan menjadi fakir.

sehingga tiada siapa yang sudi membantunya. Ini bertepatan dengan kata-kata yang masyhur: “Orang tamak selalu rugi.”

Kesan sifat tamak dan qana’ah (merasa cukup) berlaku kepada seluruh hidupan berdasarkan perlembagaan dan sunnah menyeluruh yang telah ditetapkan. Sebagai contoh:

Rezeki yang diperlukan oleh tanam-tanaman diperolehi oleh mereka dengan mudah kerana sifat qana’ah (merasa cukup) yang tertanam di dalam jiwa mereka secara fitrah. Manakala haiwan yang tamak pula terpaksa berusaha keras bagi memperolehi rezekinya yang sedikit. Hal ini menunjukkan bahawa betapa besar kemudaran yang tersembunyi di sebalik sifat tamak, dan betapa besar manfaat yang tersembunyi di sebalik sifat qana’ah. Susu yang merupakan makanan berkhasiat yang mengalir terus ke mulut bayi kecil yang lemah, tanpa disedarinya itu adalah disebabkan kerana dia memperlihatkan sifat qana’ahnya yang digambarkan melalui hal keadaannya (*lisan al-hal*). Manakala binatang buas pula terpaksa menerkam dengan penuh tamak dan haloba untuk mendapatkan rezekinya yang sedikit dan tercemar. Hal ini benar-benar membuktikan dan mensabitkan pernyataan kami ini.

Lihat pula kepada keadaan ikan yang berbadan besar, tetapi keadaannya itu menunjukkan kepada sifat qana'ah (merasa cukup) sehingga ia menerima rezeki yang banyak dan sempurna. Manakala haiwan yang mempunyai sedikit kecerdikan seperti musang dan monyet, tidak mendapatkan rezekinya secara sempurna sehingga tubuh badannya kurus meskipun ia sudah berusaha kuat dan gigih. Hal ini juga menunjukkan bahawa tamak dan haloba boleh menyebabkan kesulitan dan kesukaran, manakala sifat qana'ah (merasa cukup) menyebabkan kerehatan dan kesenangan.

Tambahan pula, bangsa Yahudi memperoleh rezeki mereka cukup-cukup makan sahaja melalui jalan yang salah, bercampur pula dengan kehinaan dan kepapaan dengan sebab sifat tamak haloba yang ada pada mereka dan dengan sebab interaksi riba yang mereka jalankan serta sifat tipu helah dan khianat yang mereka lakukan. Manakala golongan badwi (kampung) yang bersifat dengan qana'ah (merasa cukup) memperolehi rezeki mereka secara sempurna dan hidup dalam keadaan kesenangan dan kemewahan. Hal ini juga menguatkan lagi dakwaan kami tadi.

Ramai ulama dan sasterawan yang dikurniakan kecerdikan dan kepandaian tetap juga terjerumus ke

lembah ketamakan lalu menyebabkan mereka jatuh menjadi papa kedana dan hidup cukup-cukup makan atau “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” sahaja. Namun ramai dari kalangan orang-orang yang jahil dan lemah, menikmati kekayaan yang melimpah ruah kerana sifat semula jadi mereka yang berqana’ah. Hal ini juga membuktikan secara pasti bahawa rezeki yang halal hanya datang dengan kelemahan dan kefakiran, bukan dengan kekuatan dan usaha. Bahkan ia sentiasa berkadar terbalik dengan kekuatan dan usaha. Ini dibuktikan melalui rezeki yang dikecapi oleh kanak-kanak menjadi semakin mengecil, jauh dan sukar untuk dicapai apabila kanak-kanak itu semakin membesar dari sudut kehendak dan kekuatan.

Benar, qana’ah (merasa cukup) adalah khazanah kehidupan yang luas dan mewah serta punca kerehatan dalam kehidupan. Manakala tamak adalah punca kerugian dan kerendahan, berdasarkan rahsia hadis Rasulullah s.a.w.:

الْقَنَاعَةُ كَنْزٌ لَا يَفْنَى

“Qana’ah adalah khazanah yang tidak akan habis.”¹³

13 Hadis (...الْقَنَاعَةُ كَنْزٌ لَا يَفْنَى) yang bermaksud “Qana’ah adalah harta yang tidak akan habis dan khazanah yang tidak akan musnah”. diriwayatkan oleh al-Tabarani. Terdapat banyak hadis mengenai sifat qana’ah. Lihat Kashf al-Khafa’ 1/102 dan Tamyiz al-Tayyib, hlm. 118.

Natijah Ketiga: Sifat tamak akan memusnahkan keikhlasan dan merosakkan amalan ukhrawi, kerana jika sifat tamak ini wujud pada seseorang mukmin yang bertaqwa, nescaya dia mahu agar orang melihat dan memandangi kepadanya. Sesiapa yang menanti-nanti supaya orang lain melihat dan memandangi kepadanya, maka pasti dia tidak akan mencapai dan memperoleh tahap keikhlasan yang sempurna. Natijah ini mempunyai kepentingan yang tinggi dan mesti diberikan perhatian selayaknya.

Kesimpulan: Israf (membazir) melahirkan tidak qana'ah (merasa cukup) iaitu tamak. Tamak pula memadamkan semangat dan kesungguhan untuk melakukan amalan dan mencampakkan seseorang kepada sifat malas dan bertanggung-tanggung, serta membuka pintu keluh kesah dan kekecewaan dalam kehidupannya sehingga menjadikannya sentiasa mengerang kesakitan kerana gigitan kebosanan.¹⁴ Sebagaimana ia turut merosakkan keikhlasannya dan membuka di hadapannya pintu riak dan menunjuk-nunjuk sehingga menyebabkan kemuliaan maruahnyanya musnah sehingga sanggup

14 Ya, jika anda menemui seorang musrif (pembazir), nescaya anda akan mendengar pelbagai masalah daripadanya, sekalipun dia seorang yang kaya. Lidahnya pasti mengadu kesulitan dan kesempitan. Tetapi jika anda menemui seorang miskin yang mempunyai sifat qana'ah, maka anda hanya akan mendengar ucapan Alhamdulillah dan syukur kepada Allah s.w.t. sahaja daripadanya.

akhirnya untuk meminta-minta dengan penuh kehinaan.

Iqtisad pula akan melahirkan qana'ah (merasa cukup). Qana'ah akan melahirkan kemuliaan berdasarkan rahsia hadis:

عَزَّ مَنْ قَنَعَ ذَلَّ مَنْ طَمَعَ

“Mulialah orang yang berqana'ah dan hinalah orang yang tamak.”

Qana'ah juga akan membangkitkan semangat untuk berusaha dan bekerja, serta mendorong kepada bekerja keras dan bersungguh-sungguh. Ini adalah kerana jika seseorang berusaha sepanjang hari kemudian dia menerima ganjaran pada waktu petang daripada usaha sepanjang hari itu, maka sudah pasti ini akan menyebabkannya tetap berusaha lagi pada hari esoknya dengan sebab rahsia sifat qana'ah. Manakala musrif (pembazir) pula, dia tidak akan berusaha lagi pada hari kedua kerana tiada sifat qana'ah padanya, juga jika dia berusaha dan bekerja pun pada hari seterusnya, maka usaha dan kerja yang dilakukannya itu tidaklah dengan sepenuh hati.

Demikianlah bagaimana sifat qana'ah yang terlimpah daripada sifat iqtisad berupaya membuka pintu kesyukuran dan menutup pintu pengaduan dan keluh kesah. Dengan demikian seseorang akan

tetap berada dalam keadaan bersyukur kepada Allah s.w.t. sepanjang hidupnya. Sifat qana'ah juga akan menyebabkan seseorang tidak mengharapkan agar manusia berpaling kepadanya kerana dia tidak lagi memerlukan mereka. Maka pintu keikhlasan dalam dirinya akan terbuka seluas-luasnya dan pintu riak pula akan tertutup.

Saya menyaksikan kemudaratannya besar dan kerugian yang pedih diakibatkan oleh sifat israf (membazir) dan tidak beriqtisad. Saya menyaksikannya dalam bentuk yang luas dan besar, sebagaimana berikut:

Saya tiba di satu bandar yang diberkati sembilan tahun lalu pada musim sejuk, lalu saya tidak dapat melihat sumber-sumber kekayaan dan punca pendapatan di bandar tersebut. Mufti bandar tersebut (Semoga Allah s.w.t. merahmatinya) berkata kepada saya: "Penduduk di sini miskin-miskin belaka." Beliau mengulang-ulangi perkataan tersebut beberapa kali. Kata-kata tersebut memberikan kesan yang mendalam kepada jiwa saya. Saya juga berdukacita bagi penduduk bandar tersebut selama lebih kurang enam tahun. Selepas lapan tahun daripada peristiwa itu, saya kembali semula ke bandar tersebut pada musim panas. Saya dapat melihat pada masa itu taman-taman dan kebun-kebun yang luas terdapat di bandar tersebut, lalu saya teringat kepada kata-

kata mufti yang lepas, saya pun berkata kepada diri saya sendiri dengan penuh kehairanan:

Subhanallah! Hasil daripada kebun-kebun dan dusun-dusun ini melebihi keperluan seluruh bandar ini. Sepatutnya penduduk bandar ini hidup dalam keadaan amat mewah dan kaya! Lalu saya terus berada dalam keadaan bingung dan kehairanan... Namun saya memahami satu hakikat yang sinar zahirnya tidak dapat mepedayakan saya. Ia adalah satu hakikat yang saya gunakan sebagai asas untuk memahami mana-mana hakikat yang lain. Hakikat tersebut ialah bahawa keberkatan telah diangkat daripada bandar ini dengan sebab israf (membazir) dan tidak beriqtsad. Inilah yang menyebabkan mufti tempoh hari berkata bahawa penduduk bandar tersebut semuanya miskin-miskin belaka meskipun mereka memiliki sumber kekayaan dan khazanah sumber alam yang besar dan luas.

Benar, telah terbukti melalui pengalaman dan dengan melihat kepada kejadian-kejadian yang tidak terkira banyaknya, bahawa mengeluarkan zakat dan beriqtsad merupakan sebab kepada keberkatan. Manakala israf (membazir) dan tidak mengeluarkan zakat mengangakat keberkatan tersebut. Firman Allah s.w.t.:

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا

...“dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau...” (al-A‘raf, 31)

Ibnu Sina yang merupakan seumpama Plato bagi orang-orang Islam, guru para doktor perubatan dan mahaguru ahli falsafah keseluruhannya, mentafsirkan ayat di atas dari sudut pandangan perubatan sahaja dengan beberapa ungkapan syair di bawah:

“Aku himpulkan ilmu perubatan dalam dua ungkapan sahaja. Kerana perkataan yang baik adalah yang ringkas: Sedikitkan jika anda makan dan jauhilah makan selepas makan, kerana kesembuhan berada dalam penghadaman sempurna. Tiada keadaan yang lebih teruk bagi seseorang melainkan memasukkan makanan ke dalam perut berturut-turut.”¹⁵

15 Maksudnya: Perkara paling memudaratkan badan ialah tidak mengadakan tempoh antara hidangan makanan yang diambil, yang sepatutnya tempoh tersebut adalah antara empat atau lima jam, atau memenuhi perut dengan makanan secara berturut-turut kerana mahu memperolehi kelazatan semata-mata.

SUATU TAWAFUK YANG MENGHAIRIKAN DAN MENUNTUT PENGIKTIBARAN

Risalah Iqtisad ini disalin oleh lima atau enam orang penyalin. Tiga orang daripada mereka tidak pandai menulis. Setiap seorang daripada mereka datang dari tempat yang berlainan, menyalin daripada salinan yang berbeza, dan tulisan masing-masing juga berbeza. Namun apa yang menakjubkan adalah 51 huruf alif (tidak termasuk doa dalam risalah ini) dan 53 lagi huruf alif yang termasuk doa, berada pada tempat yang sama pada setiap salinan.

Bilangan huruf alif ini bersamaan dengan tahun penulisan dan penyalinan risalah tersebut iaitu pada tahun 1351 menurut kalender Rumi atau tahun 1353 menurut kalender Hijrah. Perkara ini boleh dikatakan sebagai tawafuk yakni tanda yang menunjukkan bahawa keberkatan yang ada dalam Risalah Iqtisad ini meningkat sehingga mencapai tahap keramat. Justeru, tahun tersebut dinamakan sebagai "Tahun Iqtisad."

Masa telah membuktikan keramat iqtisad ini, iaitu ketika manusia menyaksikan Perang Dunia Kedua yang berlaku dua tahun selepas itu. Perang tersebut telah menyebarkan keadaaan kebuluran, keruntuhan dan pelbagai israf (membazir) ke

seluruh pelosok dunia sehingga memaksa manusia beriqtisad dan menerima cara hidup tersebut.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (al-Baqarah, 32)

ORANG YANG TAMAK SELALUNYA KECEWA DAN RUGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾ وَكَأَيِّنْ مِنْ دَابَّةٍ لَا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Sesungguhnya Allah s.w.t. Dia lah sahaja Yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya.” (Zariyat, 58)

“Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah s.w.t.

jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Ankabut, 60)

Wahai orang-orang yang beriman! Daripada perbincangan dalam kitab “Mektubat” yang telah lalu, anda telah memahami tentang betapa besarnya kemudaratan yang disebabkan oleh permusuhan. Ketahuilah juga bahawa tamak haloba adalah penyakit yang sama seperti permusuhan, bahkan tamak haloba akan menyebabkan kemudaratan dan kemusnahan yang lebih hebat kepada kehidupan Islam. Sesungguhnya, sifat tamak haloba itu adalah penyebab kekecewaan, kekurangan dan kehinaan. Ia adalah penyebab kesengsaraan dan dipinggirkan.

Sesungguhnya kehinaan dan kesengsaraan yang diterima oleh bangsa Yahudi kerana sifat tamak haloba mereka yang terlalu taksub mengejar dunia berbanding bangsa-bangsa lain merupakan bukti yang kukuh.

Sifat tamak haloba melahirkan kesan buruk bermula daripada lingkungan paling luas dalam alam kehidupan sehinggalah kepada setiap individu. Sebaliknya, usaha mendapatkan rezeki yang diiringi dengan tawakal akan menjadi penyebab kerehatan dan ketenangan serta kesan baiknya akan dapat dilihat di setiap tempat.

Sebagai contoh: Segala tumbuhan dan pohon berbuah yang dianggap juga sebagai spesies benda hidup, memerlukan rezeki. Rezeki datang kepada mereka dengan mudah meskipun pohon tersebut hanya terpacak kukuh di atas tanah. Pada zahirnya ia kelihatan seperti bertawakal dan bersifat qana'ah (merasa cukup) tanpa sebarang tanda-tanda yang menunjukkan tamak atau haloba. Bahkan pepohon ini mengatasi haiwan dari sudut bilangan buah-buahan yang dihasilkannya. Sebaliknya, haiwan tidak memperoleh rezekinya melainkan selepas berusaha bersungguh-sungguh dan menempuh pelbagai kesulitan, itu pun kadar rezeki yang diperolehnya amat sedikit dan tidak mencukupi.

Hal ini demikian kerana haiwan begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk memperoleh dan mendapatkan rezeki. Jika kita perhatikan alam haiwan, kita akan dapati bahawa haiwan-haiwan kecil menunjukkan mereka amat bertawakal kepada Allah s.w.t. melalui kelemahan dan keadaan mereka, dengan mudah memperoleh rezeki yang baik dan mencukupi daripada khazanah rahmat Ilahi. Sedangkan haiwan ganas, yang menerkam mangsanya dengan penuh tamak haloba tidak mudah memperoleh rezekinya melainkan selepas berusaha keras dan bekerja kuat.

Kedua-dua situasi di atas jelas menunjukkan

bahawa sikap tamak haloba adalah penyebab kepada tidak memperoleh sesuatu, sedangkan tawakal dan sifat qana'ah (merasa cukup) merupakan wasilah untuk memperoleh rahmat Ilahi.

Keadaan yang sama juga dapat diperhatikan dalam kehidupan manusia. Bangsa Yahudi adalah orang yang paling haloba terhadap kehidupan. Mereka lebih mencintai kehidupan dunia berbanding akhirat. Bahkan kecintaan mereka terhadap kehidupan dunia adalah mengatasi segala bangsa lain. Lalu ditimpakan kepada mereka kehinaan dan kerendahan. Di mana-mana sahaja mereka tetap diburu dan dibunuh oleh bangsa-bangsa lain. Semua ini adalah kerana bangsa Yahudi ini memperoleh keuntungan melalui transaksi riba yang haram dan buruk, yang mereka lakukan setelah lama berpenat lelah dan berusaha untuk mendapatkannya. Mereka pula tidak membelanjakannya, melainkan sedikit sahaja, seolah-olah mereka berhasrat untuk menyimpan sebahagian besar daripadanya. Keadaan ini menunjukkan bahawa ketamakan adalah punca kehinaan, kerendahan dan kerugian dalam kehidupan kemanusiaan.

Terdapat banyak lagi peristiwa dan kejadian yang menunjukkan bahawa orang tamak sentiasa terdedah kepada kancah kerugian, sehingga ungkapan “orang tamak selalu rugi” telah menjadi

peribahasa yang tersebar luas penggunaannya dan semua orang menerimanya sebagai suatu hakikat yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Oleh sebab itu, jika anda cintakan harta dengan kecintaan yang besar, maka anda hendaklah mencarinya melalui sifat qana'ah, bukan dengan sifat tamak haloba, kerana hanya dengan demikian sahaja harta akan mendatangi anda dengan banyaknya.

Perbandingan antara orang yang bersifat qana'ah (merasa cukup) dan yang bersifat tamak adalah seperti kisah berikut:

Terdapat dua orang lelaki menjadi tetamu kepada seorang tuan rumah yang mulia dan baik hati. Salah seorang daripada tetamu tersebut dalam hatinya hanya berharap agar tuan rumah memberikan sedikit perlindungan kepadanya. Dia berkata: "Jika tuan rumah membenarkan saya tinggal di rumahnya seketika, lalu saya selamat daripada kedinginan cuaca di luar, itu sudah mencukupi buat saya. Bahkan, jika dia membenarkan saya duduk di atas mana-mana kerusi empuk yang terdapat dalam rumahnya, itu merupakan suatu kelebihan dan kemuliaan." Sebaliknya lelaki kedua pula bertindak seolah-olah dia mempunyai hak terhadap orang lain seakan-akan mereka terpaksa menghormati

dan memuliakannya. Oleh itu, dengan penuh terpedaya dia berkata dalam hatinya: “Tuan rumah ini mesti menyediakan untuk ku kerusi yang paling empuk dan paling baik.” Lalu dia memasuki rumah tersebut dengan perasaan itu dan melihat serta memerhatikan tempat paling baik di dalam rumah. Pada masa yang sama, hatinya dipenuhi oleh perasaan dengki, hasad dan marah terhadap tuan rumah. Tuan rumah pula hanya memberikan tempat duduk yang paling rendah kepadanya. Sepatutnya lelaki tersebut berterima kasih kepada tuan rumah, tetapi dia mengkritik tuan rumah lalu tuan rumah merasa tidak senang dengannya.

Tetapi perkara sebaliknya berlaku kepada lelaki pertama tadi yang memasuki rumah tersebut dengan penuh tawaduk dan hanya mencari tempat duduk yang paling rendah yang tersedia. Tuan rumah berasa gembira dan berlapang dada dengan sifat tawaduk yang terpancar daripadanya, lalu menempatkannya di tempat duduk yang paling tinggi dan baik. Keadaan ini menyebabkan lelaki tersebut bertambah redha dan berterima kasih setiap kali tuan rumah menempatkannya di tempat yang lebih baik dan lebih mulia.

Begitulah kehidupan dunia ini. Ia adalah tempat yang Allah s.w.t. guna untuk menyambut dan melayan para tetamu-Nya. Permukaan dunia ini

adalah hamparan rahmat dan hidangan Allah s.w.t. yang disediakan buat manusia. Kadar rezeki yang dikurniakan dan martabat nikmat yang diberikan adalah seperti kedudukan kerusi yang bertingkat-tingkat tingginya.

Sikap buruk akibat sifat tamak dan kejelekannya pasti dapat dirasai oleh setiap orang sekalipun dalam urusan dan pekerjaan yang paling kecil.

Sebagai contoh: Sesiapa sahaja akan merasa berat hati dan tidak selesa jika didatangi oleh seorang peminta sedekah yang terlalu meminta dan mendesak sehingga menyebabkan dia tidak ingin memberikan apa-apa kepada peminta sedekah tersebut. Sebaliknya pendiriannya ini akan berubah dengan berasa belas kasihan terhadap peminta sedekah lain yang hanya berdiam diri, lalu dia memberikan sedekah mengikut kemampuannya.

Contoh lain: Jika anda tidak dapat tidur pada suatu malam; anda mungkin dapat tidur sedikit demi sedikit jika anda tidak menghiraukan keinginan yang mendesak untuk tidur. Sebaliknya, jika anda terlalu berkeinginan untuk tidur, dan berasa keluh kesah sambil merungut dan berkata “Bilakah saya dapat tidur?” Akhirnya rasa mengantuk akan hilang dan anda tidak dapat tidur sama sekali.

Contoh lain: Anda menunggu seseorang dengan

penuh kesabaran. Anda amat ingin bertemu dengannya atas satu urusan yang penting. Anda merasa bimbang dan anda berkeluh kesah, serta berkata: “Kenapa dia belum datang lagi? Kenapa dia lewat?” Akhirnya keinginan anda yang keterlaluan agar dia datang akan menyebabkan anda hilang sabar lalu memaksa diri anda meninggalkan tempat tersebut dalam keadaan kecewa. Sejurus kemudian, orang yang anda tunggu tiba, dengan itu hasil yang diharapkan daripada pertemuan tersebut telah terlepas.

Hikmat yang tersembunyi dalam contoh-contoh yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut. Kewujudan sebuku roti adalah hasil daripada kerja dan proses yang berlaku di ladang gandum, gudang, tempat pengisar, dapur ketuhar dan sebagainya. Begitu juga kewujudan segala perkara adalah terikat dengan langkah yang berhati-hati dan berperingkat-peringkat. Tetapi orang yang tamak dan haloba tidak akan berhati-hati dalam langkah yang diambilnya dan tidak mengambil kira proses serta langkah yang seharusnya diambil bagi dia mencapai hasil yang diharapkan.

Oleh itu, dia mungkin akan mengambil jalan pintas atau melakukan lompatan jauh yang akan menyebabkan dia jatuh tersembam, atau dia meninggalkan salah satu peringkat yang

menyebabkan proses menjadi tidak sempurna. Akibatnya, dia tidak dapat mencapai matlamat yang diharapkan. Oleh itu, wahai saudara-saudaraku yang terpedaya dengan keluh kesah kehidupan dunia dan kelabu mata akibat ketamakan yang fana! Bagaimanakah anda sanggup merelakan diri anda ditimpa kehinaan dan kerendahan dengan bersifat tamak haloba, sedangkan di dalamnya terdapat banyak kemudahan dan bala bencana? Bagaimanakah anda sanggup mengambil apa sahaja harta tanpa memikirkan adakah ia halal atau sebaliknya? Bagaimanakah anda sanggup untuk mendapatkan harta tersebut dengan mengorbankan perkara-perkara utama dalam agama yang amat penting untuk kehidupan akhirat anda nanti? Merelakan diri anda meninggalkan rukun Islam yang penting, yakni zakat, demi menyahut kehendak sifat tamak haloba yang ada dalam diri anda. Sedangkan, zakat adalah pintu besar yang boleh melimpahkan keberkatan dan kekayaan kepada setiap orang, serta boleh mengelakkannya daripada bala bencana dan musibah. Orang-orang yang tidak menunaikan zakat harta, pasti akan kehilangan harta sebanyak zakat yang sepatutnya mereka keluarkan, atau mereka menghabiskannya dalam perkara-perkara remeh yang tidak bermanfaat, atau mereka ditimpa dengan pelbagai musibah yang menyebabkan harta tersebut diambil daripada mereka secara paksa.

Saya pernah ditanya dalam satu mimpi hakiki yang menakjubkan tentang satu hakikat yang berlaku pada tahun kelima Perang Dunia Pertama. Pertanyaan tersebut adalah:

Apakah rahsia di sebalik kemiskinan dan kefakiran yang menimpa umat Islam? Apakah rahsia di sebalik kemusnahan yang menimpa dan memusnahkan harta benda mereka? Apakah rahsia yang tersembunyi di sebalik kesulitan dan kesukaran fizikal yang mereka alami?

Dalam mimpi itu saya telah menjawab soalan tersebut sebagaimana berikut: Daripada rezeki yang dikurniakan kepada kita, Allah s.w.t. memfardukan kita mengeluarkan satu persepuluh¹⁶ daripada beberapa jenis harta, dan mengeluarkan satu perempat puluh¹⁷ daripada beberapa jenis harta yang lain, agar kita memperoleh pahala dan doa-doa ikhlas yang terbit daripada mulut orang-orang fakir miskin, dan juga agar kita terselamat daripada perasaan cemburu dan hasad dengki mereka. Tetapi malangnya kita bersifat kedekut dan tidak menunaikan zakat harta. Lalu Allah s.w.t. bertindak

16 Seperti zakat tanaman.

17 Seperti zakat perniagaan dan binatang, yang Allah s.w.t. hasilkan daripadanya pada setiap tahun sepuluh ekor anak yang lahir pada kebiasaannya.

mengambil balik zakat bertimbun yang kita tidak tunaikan itu dengan nisbah tiga perempat dan lapan persepuluh.

Perintah Allah s.w.t. meminta kita berlapar kerana- Nya mengandungi tujuh puluh faedah dan hikmat. Allah s.w.t. memerintahkan kita berpuasa sebulan penuh setiap tahun. Tetapi kita merasa sukar untuk melakukannya dan kononnya kita merasa kasihan terhadap diri kita. Kita enggan menghadapi kelaparan yang penuh kenikmatan itu untuk sementara waktu. Lantaran itu, Allah s.w.t. membalas dengan memaksa kita berpuasa dalam keadaan lapar dan dahaga serta menimpakan kepada kita musibah sehingga tujuh puluh jenis musibah dan memaksa kita menghadapinya selama lima tahun berturut-turut.

Begitu jugalah halnya apabila Allah s.w.t. meminta kita melaksanakan satu jenis perintah dan arahan Rabbani yang baik, diberkati, tinggi dan murni. Allah s.w.t. memerintahkan kita melaksanakannya dalam tempoh satu jam sahaja daripada dua puluh empat jam yang ada pada kita sehari semalam. Malangnya kita malas daripada melaksanakan solat, doa dan zikir-zikir tersebut, bahkan kita mensia-siakan satu jam tersebut bersama-sama dengan waktu-waktu yang lain. Oleh itu, Allah s.w.t. membalas kesalahan kita dengan memaksa kita menjalani latihan dengan

berjalan, berlari, menyerang dan sebagainya dalam masa lima tahun berturut-turut sebagai kafarah.

Demikianlah jawapan saya dalam mimpi tersebut. Kemudian saya terjaga, lalu saya berfikir sambil membuat pemerhatian, lalu saya menyimpulkan satu hakikat yang amat penting yang terdapat dalam mimpi itu, iaitu:

Kita telah membuktikannya pada “Kalimah Kedua Puluh Lima”, ketika kita membandingkan antara tamadun moden dan hukum-hakam al-Quran, terdapat dua perkataan yang menjadi punca kepada semua keruntuhan akhlak dan kejatuhan nilai yang dialami oleh manusia dalam kehidupan sosial mereka pada hari ini. Kedua-duanya juga menjadi punca kepada seluruh kacau-bilau dan huru-hara yang berlaku. Kedua-dua perkataan tersebut adalah:

Perkataan pertama: “Jika saya kenyang, saya tidak peduli akan orang lain mati kelaparan”.

Perkataan Kedua: “Awak yang bekerja saya menikmati hasilnya”. Kedua-dua perkataan ini pula disuburkan oleh berleluasanya riba dan keengganan menunaikan zakat. Satu-satunya penyelesaian dan rawatan paling mujarab bagi kedua-dua penyakit sosial ini adalah dengan mewajibkan zakat secara keseluruhan dalam masyarakat serta mengharamkan riba sama sekali.

Tambahan pula, dari aspek membina kebahagiaan hidup; zakat adalah rukun yang terpenting bukan hanya untuk beberapa individu atau kumpulan-kumpulan yang khusus bahkan juga untuk keseluruhan manusia. Sebenarnya zakat juga adalah tiang utama yang mengekalkan kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana manusia terdiri daripada dua golongan masyarakat iaitu golongan atasan dan golongan biasa. Zakat sahajalah yang akan dapat menanam perasaan belas kasihan dan kemurahan golongan atasan terhadap golongan biasa, dan menanamkan perasaan hormat dan taat daripada golongan biasa terhadap golongan atasan. Jika zakat tidak ditunaikan, maka akan berlaku kezaliman dan penindasan oleh golongan atasan terhadap golongan biasa. Pada masa yang sama, kedengkian dan dendam akan menyala-nyala dalam hati golongan biasa terhadap golongan atasan. Kedua-dua lapisan atau golongan masyarakat ini secara maknawinya akan sentiasa berada dalam keadaan pertarungan dan perselisihan antara satu sama lain, sehingga sedikit demi sedikit bertukar kepada pertembungan fizikal lantaran masalah pekerja dan majikan sebagaimana yang telah berlaku di Rusia.

Wahai orang-orang yang pemurah dan mempunyai perasaan!. Wahai mereka yang

dermawan dan suka menyumbang!.

Jika anda tidak meniatkan sedekah dan sumbangan yang anda berikan seperti zakat yang diikhhlaskan kerana Allah s.w.t., maka ia akan mempunyai tiga kemudaratan. Bahkan ia akan hilang begitu sahaja tanpa memberikan sebarang manfaat. Ini adalah kerana jika anda memberikannya bukan kerana Allah s.w.t., tidak syak lagi secara hakikatnya anda memberikannya dengan perasaan mahu disanjung dan dipuja atas pemberian tersebut. Ketika itu, anda sebenarnya meletakkan si fakir dan si miskin yang menerima pemberian tersebut berada di bawah pemberian anda, dan anda mengikatnya dengan belunggu pemberian tersebut.

Jika ini berlaku, anda akan terus terhalang daripada memperoleh doa ikhlas yang makbul daripada si fakir itu. Lebih daripada itu, anda juga dianggap mengkufuri nikmat kerana anda menganggap andalah tuan punya harta yang anda sumbangkan itu. Sedangkan pada hakikatnya, anda hanya ditugaskan dan diarahkan untuk membahagi-bahagikan harta milik Allah s.w.t. kepada para hamba-Nya.

Tetapi jika anda melakukan sumbangan anda pada jalan Allah s.w.t., atas nama zakat, anda akan mendapat balasan pahala dan ganjaran

yang besar, kerana anda telah menunaikan zakat pada jalan Allah s.w.t. Dengan cara tersebut, anda sebenarnya telah memperlihatkan kesyukuran anda kepada Allah s.w.t. terhadap segala limpahan nikmat-Nya ke atas diri anda. Dengan itu, anda akan memperoleh doa yang makbul daripada si fakir yang memerlukan kerana dia tidak perlu lagi bermuka-muka di hadapan anda, berasa bimbang, takut atau malu kepada anda. Ketika itu, maruah dan harga diri terpelihara, lantas doa yang diungkapnya adalah dengan keikhlasan.

Anda telah mengeluarkan sejumlah harta yang sama banyak dengan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan atau lebih, tetapi ia hanya menyebabkan kemudaratan yang besar apabila timbulnya perasaan riak, hebat, bangga dan untuk dikenali bagi si pemberi dan perasaan hina bagi si penerima. Sebaliknya, pengeluaran zakat dan sedekah serta sumbangan dengan niat mendapatkan keredaan Allah s.w.t., dan untuk melakukan tanggungjawab yang difardukan oleh-Nya, akan menyebabkan seseorang memperoleh balasan pahala yang besar, serta memperoleh ikhlas dan doa yang mustajab daripada si penerima. Bukankah besar sekali perbezaan antara kedua-duanya!

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Selawat dan salam ke atas penghulu kami, Muhammad s.a.w. yang bersabda:

«الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ الْمَرْصُوعِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا»

“Seorang mukmin kepada mukmin yang lain adalah umpama binaan yang teguh, saling menguatkan antara satu sama lain.”

Baginda juga bersabda:

«الْقَنَاعَةُ كَنْزٌ لَا يَفْنَى»

“Qanaah adalah khazanah yang tidak akan habis.”

Selawat dan salam juga ke atas keluarga dan sahabat baginda keseluruhannya. Amin. Segala pujian adalah bagi Allah s.w.t., Tuhan sekalian alam.

AJAL DAN REZEKI YANG SUDAH DITETAPKAN¹⁸

Sesungguhnya ajal dan rezeki yang pada zahirnya kelihatan masih belum ditentukan dan ditetapkan, tetapi hakikatnya kedua-duanya sudah pun ditetapkan dan ditentukan dalam catatan buku Qada' dan Qadar. Jelaslah bahawa ajal kematian bagi setiap makhluk yang hidup sudah pun ditentukan dan ditetapkan, tidak akan dilewatkan dan tidak akan dicepatkan walau sesaat pun. Begitu juga dengan rezeki setiap makhluk yang bernyawa, sudah ditentukan dan diperuntukkan. Semuanya sudah tertulis dan tercatat pada papan penentuan dan penetapan Ilahi. Terdapat banyak bukti tentang hakikat ini. Antaranya:

Kematian adalah seumpama pohon besar yang mewariskan tugasnya kepada biji-biji benih yang merupakan sebahagian daripada roh untuk melaksanakan tugas yang dilakukan sebelum ini. Ketentuan ini tidak akan berlaku dengan sempurna melainkan dengan suatu peraturan yang amat bijaksana oleh al-Alim dan al-Hafiz. Misalnya, air susu segar keluar daripada puting susu si ibu lalu menjadi rezeki yang enak kepada si anak kecil.

Susu tersebut terpisah antara najis dan darah tanpa kedua-duanya bercampur sedikitpun. Susu itu juga mengalir dengan lancar ke dalam mulut si kecil dalam keadaan suci dan murni. Keadaan ini menolak dengan kuat dakwaan yang mengatakan semua itu berlaku secara kebetulan. Hal ini juga membuktikan dengan penuh keyakinan tanpa sebarang keraguan bahawa semua itu berlaku hasil daripada aturan perlembagaan daripada empunya belas kasihan yang tinggi, al-Razzaq, al-Alim dan al-Rahim. Bandingkan pula semua hidupan lain yang mempunyai roh dengan dua contoh yang telah dinyatakan di atas.

Hakikatnya, ajal kematian telah ditentukan dan ditetapkan. Demikian juga rezeki. Kedua-duanya telah dimasukkan ke dalam buku Qada' dan Qadar. Namun begitu, pada zahirnya, kedua-duanya kelihatan tersembunyi di sebalik keghaiban, tergantung di sebalik tali kesamaran yang tidak dapat dilihat. Kedua-duanya juga kelihatan tidak ditentukan dan ditetapkan, seolah-olah kedua-duanya bergantung kepada kebetulan. Semua itu adalah semata-mata kerana suatu hikmat yang amat halus tetapi amat penting!

Hal ini kerana jika sesuatu ajal kematian sudah ditentukan dan ditetapkan sebagaimana penentuan dan penetapan tenggelamnya matahari, nescaya

manusia akan menghabiskan separuh daripada umurnya dengan penuh kealpaan dan mensiasikannya tanpa memperingati akhirat. Kemudian, pada separuh umurnya yang kedua pula, dia berada dalam ketakutan yang menggerunkan, seperti seorang yang sedang melangkah sehari demi sehari ke arah tali gantung. Pastilah dia akan mengalami kesengsaraan ratusan kali ganda dalam keadaan tersebut. Disebabkan rahsia dan hikmat yang halus inilah kesengsaraan kematian yang sentiasa mendatangi manusia setiap ketika, dibiarkan berada di bawah langsir keghaiban. Bahkan umur dunia itu sendiri iaitu kiamat disembunyikan oleh Allah s.w.t. kerana kasih sayang-Nya, sehingga peristiwa ini terus menjadi rahsia disebabkan alasan yang sama.

Rezeki pula adalah khazanah terbesar yang melimpahkan pelbagai jenis nikmat selepas nikmat kehidupan itu sendiri. Ia merupakan sumber paling kaya yang menerbitkan tahmid (pujian) dan kesyukuran, juga merupakan khazanah paling besar bagi ubudiyah (ibadat), doa dan pelbagai pengharapan. Rezeki diperlihatkan dalam bentuk yang zahir seolah-olah perkara tersebut tersembunyi dan terikat dengan kebetulan sahaja. Hal ini demikian agar pintu permohonan melalui doa kepada al-Razzaq al-Karim (Maha Pemberi Rezeki Yang Mulai) setiap masa itu tidak tertutup.

Semoga pintu doa yang disulami dengan tahmid (memuji-Nya) dan syukur kepada Allah s.w.t. tidak terhenti. Jika rezeki sudah ditentukan sebagaimana penentuan terbit dan tenggelamnya matahari, nescaya keadaan sedia ada akan berubah; Pintu pengharapan dan tingkap tadarru' (rendah diri yang teramat di hadapan Illahi) serta tangga doa yang disertai dengan kesyukuran dan keredaan, bahkan pintu ubudiyah yang penuh kekhusyukan juga akan tertutup sama sekali.

MENGAPAKAH USTAZ BADIUZZAMAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA TAMADUN KINI?

Soalan: Dahulunya semasa meninjau suku kaum nomad di timur Anatolia, tuan menyeru mereka agar bersungguh-sungguh melibatkan diri dengan kemajuan dan tamadun. Namun, sekarang kenapa tuan sendiri hampir 40 tahun menjauhkan diri daripada kemajuan dan menyifatkan tamadun sebagai kerendahan dan menjauhkan diri daripada kehidupan bermasyarakat, serta tuan telah beruzlah?

Jawapan: Sesungguhnya tamadun hari ini yang bersifat kebaratan itu telah melalui jalan yang bertentangan dan berlawanan dengan asas

perlembagaan Ilahi dari langit. Keburukan dan kemudaratannya jauh lebih banyak berbanding kebaikan. Keamanan dan ketenangan manusia telah menjadi kacau-bilau. Kebahagiaan hakiki mereka tercemar dan tercalar. Objektif yang menjadi tujuan tamadun telah tersasar dan terpinggir, kerana israf (membazir), ketamakan dan kemaksiatan telah mengambil tempat sifat iqtisad dan qana'ah. Kecenderungan untuk bermalas-malasan dan bersenang-lenang menjadi suatu yang diminati, sementara ladang kesungguhan ditinggalkan begitu sahaja. Tamadun kemanusiaan yang gundah-gulana ini dipakaikan dengan pakaian kefakiran yang menghinakan dan diselubungi dengan selimut kemalasan yang melalaikan. Firman Allah s.w.t.:

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۗ لَيْسَ لِلإِنسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

"... dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui batas..." (al-A'raf: 31)

"Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya." (al-Najm: 39)

Kedua-dua ayat di atas mengandungi perlembagaan suci yang dilaungkan dengan lantang. Risalah an-Nur telah mengisyaratkan, berpandukan cahaya kedua-dua ayat tersebut,

bahawa kebahagiaan manusia amat berkait rapat dengan sifat iqtisad dan tidak israf (membazir). Perkara ini juga berkait dengan kesungguhan untuk sentiasa berusaha, bekerja dan bertungkus lumus.

Hanya dengan kedua-dua syarat ini sahaja akan berlakunya keserasian dan hubungan yang mesra antara kedua-dua golongan manusia; orang biasa dan atasan. Oleh itu, saya akan berbicara tentang dua isu yang menarik dan ringkas, iaitu:

Pertama: Manusia pada masa dahulu hanya memerlukan tiga atau empat keperluan sahaja. Daripada setiap sepuluh orang, hanya dua orang sahaja tidak mampu untuk memperoleh ketiga-tiga atau keempat-empat keperluan tersebut. Namun, pada masa sekarang, dengan sebab cengkaman Tamadun Barat yang bermaharajalela, yang mendorong manusia kepada penyalahgunaan, israf (membazir), mengikut nafsu syahwat dan menjadikan tuntutan yang bukan keperluan sebagai keperluan yang hakiki; maka manusia sekarang lantaran kesukaan mereka untuk meniru sehingga menjadi ketagih; memerlukan kepada dua puluh keperluan berbanding empat sahaja yang benar-benar diperlukan oleh mereka. Mungkin hanya dua orang sahaja daripada dua puluh orang individu yang mampu untuk memenuhi kesemua dua puluh keperluan tersebut menggunakan sumber yang

halal dan dengan cara yang dibenarkan. Sementara lapan belas orang lagi terus kekal dalam keadaan memerlukan dan berhajat serta menjadi fakir miskin. Maka tamadun hari ini menjadikan manusia amat fakir dan amat miskin serta lebih memerlukan. Dari sudut keperluan, keadaan ini menjadikan manusia lebih banyak melakukan usaha yang haram serta melakukan pelbagai jenis kezaliman dan penipuan. Ini menggalakkan golongan biasa yang miskin untuk sentiasa bertembung dan “bertempur” dengan golongan atasan, kerana mereka meninggalkan peraturan dalam al-Quran yang memerintahkan bahawa zakat adalah wajib dan riba adalah haram. Dengan ini, kedua-duanya dapat menjamin golongan biasa akan menghormati golongan atasan dan golongan atasan akan merasa belas kasihan kepada golongan biasa. Disebabkan meninggalkan peraturan dalam al-Quran inilah, golongan atasan melakukan kezaliman terhadap golongan miskin yang menyebabkan golongan ini memberontak terhadap golongan atasan. Keadaan ini menyebabkan keamanan manusia hancur dan binasa.

Aspek Kedua: Segala kehebatan yang dihasilkan melalui tamadun hari ini dalam bidang sains merupakan nikmat Rabbani yang menuntut kesyukuran yang ikhlas daripada manusia terhadap

nikmat tersebut. Perkara ini juga menuntut agar nikmat-nikmat tersebut digunakan dengan cara yang selayaknya bagi faedah dan manfaat manusia itu sendiri. Namun, perkara yang kita saksikan hari ini adalah berlaku sebaliknya, kerana kejadian yang hebat itu telah menyebabkan sebahagian manusia yang mempunyai kedudukan penting dalam kehidupan menjadi malas dan melakukan maksiat. Oleh sebab tiada qana'ah (merasa cukup) dan tiada iqtisad, kejadian itu telah menyalakan api hawa nafsu, membangkitkan dorongan syahwat, menundukkan manusia daripada bekerja dan berusaha, menghilangkan perasaan suka untuk bertungkus lumus dan beramal, serta membawa kepada israf (membazir), kemaksiatan, kezaliman dan melakukan segala jenis perkara haram.

Kami sebutkan satu contoh bagi menjelaskan lagi hakikat di atas sebagaimana telah disebut dalam Risalah “Nur Aleminin Bir Anahtari” (Kunci Kepada Alam Nur):

Radio adalah satu nikmat Ilahi yang agung kepada manusia. Sewajarnya, perkara ini menuntut kesyukuran maknawi daripada kita iaitu untuk mengunanya bagi kepentingan manusia keseluruhannya. Namun, kita dapati empat perlima daripada penggunaannya dialihkan kepada pembangkitan nafsu syahwat dan kepada perkara-

perkara remeh yang langsung tidak memberikan manfaat kepada manusia. Nikmat ini mencabut akar-akar kerinduan untuk berusaha keras dalam diri manusia lalu menjerumuskan mereka kepada kemalasan, kerehatan dan kenikmatan semata-mata, sehingga manusia meninggalkan tugasnya yang hakiki. Sepatutnya sebahagian daripada ciptaan yang menakjubkan dan bermanfaat itu dihalakan untuk memudahkan keperluan hakiki manusia dan menggunakannya pada usaha dan tugas yang boleh mendatangkan kebaikan serta memenuhi keperluan-keperluan mereka yang sebenar dan memudahkan segala kesulitan yang dihadapi. Namun yang saya saksikan sendiri hanya sepuluh atau dua puluh peratus daripadanya sahaja digunakan bagi memenuhi keperluan sebenar manusia. Sementara lapan puluh peratus lagi digunakan ke arah hiburan dan permainan, ke arah membangkitkan nafsu syahwat, kerehatan, bersenang-lenang, bermalás dan membuang waktu begitu sahaja. Terdapat ribuan contoh lagi selain dua contoh yang dinyatakan di atas.

Kesimpulannya: Tamadun Barat hari ini tidak mendengar arahan daripada agama-agama samawi (langit). Perkara ini menyebabkan manusia berada dalam keadaan papa kedana dan tamadun itu sebenarnya menggandakan lagi segala keperluan

mereka. Ia berterusan menyalakan api ketamakan, israf (membazir) dan keserakahan pada diri manusia setelah ia meruntuhkan sifat iqtisad dan qana'ah. Perkara ini juga membuka jalan-jalan kezaliman dan perlakuan segala jenis perkara haram. Lebih daripada itu, tamadun itu juga telah mencampak manusia miskin yang malas dan berat tulang yang memusnahkan setelah ia menggalakkan mereka berpaut pada segala jenis hiburan dan kemaksiatan. Demikianlah cara tamadun itu memusnahkan keinginan manusia untuk berusaha dan bekerja keras, lalu mereka mensia-siakan umur mereka yang berharga begitu sahaja dengan mengikut nafsu ketamadunan semasa dan menuruti kemudaratan serta bahana hiburannya.

Lebih daripada itu, tamadun Barat ini juga melahirkan manusia yang miskin dan ditimpa dengan pelbagai jenis penyakit, kerana tamadun menjadi penyebab kepada tersebarnya ratusan jenis wabak penyakit di seluruh muka bumi ini. Kejadian ini berlaku hasil daripada penyalahgunaan tamadun dan daripada israf (membazir) yang melampau.

Yang Kekal hanyalah Allah s.w.t.

Risalah Syukur¹⁹

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

“...dan tiada sesuatu pun melainkan ia bertasbih dengan memuji-Nya...” (al-Isra’, 44)

أَفَلَا يَشْكُرُونَ ❁ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ❁
وَسَنَجْزِي الشَّاكِرِينَ ❁ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ❁
بَلِ اللَّهُ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ

“...maka patutkah mereka tidak bersyukur?” (Yasin: 35, 73)

“...dan Kami pula akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur.” (Ali Imran, 145)

“...Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu...” (Ibrahim, 7)

“...maka hendaklah engkau menyembah Allah s.w.t. semata-mata, dan hendaklah engkau menjadi antara orang-orang yang bersyukur.” (al-Zumar, 66)

19 Dipetik daripada kitab “Mektubat (Surat-Surat)”, Surat Kedua Puluh Lapan.

Al-Qur`an al-Mu`jiz al-Bayan menunjukkan melalui pengulangan ayat-ayat seperti di atas bahwa amalan paling besar yang dituntut oleh Allah s.w.t. daripada para hamba-Nya ialah bersyukur. Dalam al-Qur`an al-Furqanul-Hakim, Allah s.w.t. memberi perhatian yang besar dalam menyeru mereka untuk bersyukur dan menggambarkan bahwa tindakan tidak bersyukur itu adalah satu pendustaan dan keingkaran terhadap segala nikmat-Nya. Firman Allah s.w.t.:

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ

“Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?”

Allah s.w.t. menegaskan ayat ini sebanyak tiga puluh satu kali dalam surah al-Rahman dengan penegasan yang dahsyat dan menakutkan. Allah s.w.t. juga menggambarkan bahwa tindakan tidak bersyukur itu adalah satu pendustaan dan keingkaran.

Sesungguhnya, seperti mana Al-Quran yang maha bijaksana telah menunjukkan syukur adalah hasil penciptaan; begitu juga alam semesta, yang merupakan al-Quran yang agung, menunjukkan hasil yang paling utama dari ciptaan alam adalah syukur. Sekiranya alam semesta diperhatikan dengan

teliti, jika dilihat dari cara ia diatur, ia menunjukkan bahawa semuanya menghasilkan kesyukuran; semuanya kelihatan menuju kearah kesyukuran pada satu tahap dan berpaling ke arahnya. Seolah-olah syukur adalah buah yang paling penting dari pokok penciptaan dan kesyukuran adalah hasil yang paling tinggi dari kilang alam semesta.

Kita melihat dalam penciptaan alam bahawa makhluk-makhluk disusun seolah-olah dalam lingkaran dengan kehidupan sebagai titik pusatnya. Semua makhluk melihat kepada kehidupan, dan berkhidmat kepada kehidupan serta menghasilkan keperluan kehidupan. Maksudnya, Zat yang mencipta alam semesta ini memilih kehidupan dan menjadikannya yang utama.

Kemudian kita melihat bahawa Dia menciptakan alam haiwan dalam bentuk lingkaran dan menempatkan manusia di pusatnya. Ringkasnya, Dia memusatkan tujuan penciptaan makhluk hidup pada manusia, mengumpulkan semua makhluk hidup di sekelilingnya dan menundukkan mereka kepadanya. Dia menjadikan mereka berkhidmat kepadanya dan dijadikannya berkuasa atas mereka. Maksudnya, Pencipta yang mulia memilih manusia daripada makhluk hidup dan menjadikannya sebagai objek iradat-Nya dan sasaran keinginan-Nya.

Kemudian kita melihat bahawa alam manusia dan alam haiwan juga terbentuk seperti lingkaran. Rezeki pula diletakkan di pusatnya. Dia telah menjadikan manusia dan binatang-binatang merindui akan rezeki, berkhidmat untuknya dan menundukkan mereka kepadanya. Oleh itu, yang memerintah mereka adalah rezeki. Dan Dia telah menyediakan rezeki sebagai khazanah yang luas, kaya dan menguasai semua kurniaan-Nya yang tidak terhingga. Malah, dengan anggota lidah yang adanya deria rasa, Dia telah meletakkan padanya skala sensitif sejumlah makanan yang sedia ada supaya manusia dapat mengenali rasa pelbagai jenis rezeki. Maksudnya, hakikat paling aneh, paling kaya, paling indah, paling menyenangkan, paling menyeluruh dan paling menakjubkan di alam semesta terletak pada rezeki.

Sekarang kita dapat melihat bahawa sepertimana semuanya telah dikumpulkan di sekitar rezeki dan menunjukkan ke arahnya, begitu juga rezeki dalam semua jenisnya wujud melalui syukur sama ada melalui materi mahu pun secara maknawi, melalui keadaan mahupun lisan; ia wujud melalui syukur dan wujud dengannya, ia juga menghasilkan syukur dan ia turut menunjukkan syukur. Hal ini kerana selera dan keinginan untuk rezeki adalah syukur secara fitrah. Kelazatan dan kenikmatan juga

adalah syukur yang tidak disadari, yang dizahirkan oleh semua jenis haiwan. Hanya manusia sahaja yang mengubah sifat syukur yang fitrah itu melalui kesesatan dan kekufuran; dia menyimpang daripada kesyukuran menuju syirik.

Berikutnya lagi, bentuk-bentuk yang dihiasi indah, bau-bauan wangi, selera yang sangat lazat dalam kurnian rezeki menuntut kepada kesyukuran; mereka membangkitkan perasaan yang mendalam pada makhluk hidup, dan melalui perasaan itu menuntut penghargaan, penghormatan, dan melahirkan syukur maknawi. Mereka menarik perhatian makhluk hidup yang membangkitkan rasa kagum. Mereka menggalakkan penghormatan ke atas rezeki; melalui keadaan ini, makhluk hidup menyatakan rasa syukur secara lisan dan perbuatan serta berterima kasih; menyebabkan mereka dijemput untuk merasai kenikmatan tertinggi, kemanisan dan kelazatan serta keseronokkan dalam kesyukuran. Oleh itu, mereka memperlihatkan bahawa keseronokan sekejap dan sementara melalui ucapan syukur, makanan dan kenikmatan ini mendapat reda Yang Maha Pemurah, yang memberikan kenikmatan hakiki yang kekal abadi. Mereka menyebabkan makhluk yang berperasaan untuk bertafakur tentang pelbagai nikmat yang tidak terhingga dari Pemilik Yang Maha Mulia dari perbendaharaan rahmat-Nya, seolah-olah

merasakan kenikmatan Syurga yang kekal abadi selagi masih di dunia ini. Maksudnya, melalui syukur, rezeki menjadi perbendaharaan yang bernilai, kaya raya dan komprehensif, manakala melalui rasa tidak bersyukur kesemua nikmat itu menjadi tidak bernilai.

Seperti yang dijelaskan dalam Kalimah Keenam, apabila deria rasa lidah digunakan demi Allah Yang Maha Esa, iaitu apabila ia melaksanakan tugasnya dengan bersyukur, ia menjadi seperti seorang nazir yang bersyukur dari dapur yang tidak terhingga banyaknya rahmat Ilahi dan sebagai nazir yang sangat dihormati dan yang penuh dengan kepujian. Sekiranya ia berpaling daripadanya demi nafsu, iaitu tanpa berfikir untuk bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telah memberikan rezeki itu, deria rasa itu akan diturunkan martabat dari menjadi hazir yang sangat dihormati kepada pengawal kilang perut dan penjaga kandang perut. Seperti halnya dengan hamba-hamba-Nya yang tidak bersyukur, rezeki turun ke tahap demikian, begitu juga keadaan rezeki dan hamba-hamba lain turut jatuh; mereka jatuh dari pangkat tertinggi ke kedudukan serendah-rendahnya; mereka tenggelam kepada keadaan yang menentang Pencipta alam semesta yang bijaksana.

Ukuran syukur adalah qanaah, iktisad, reda dan berterima kasih. Manakala timbangan tidak

bersyukur adalah tamak, israf (membazir) dan tidak menghormati; dengan memakan apa sahaja yang dijumpai sama ada halal atau haram.

Sesungguhnya tamak sepertimana ianya adalah bertentangan dengan kesyukuran, ia juga menyebabkan kerugian dan kehinaan. Hatta, seolah-olahnya kerana tamak, semut yang diberkati dengan kehidupan sosialnya yang baik, itu turut dipijak dengan kaki. Walaupun beberapa gandum cukup untuknya bagi satu tahun, ia tidak puas dengannya dan mengumpulkan ribuan jika boleh. Manakala lebah yang diberkati itu terbang di atas kepala kerana qanaahnya dengan arahan Tuhan untuk memberikan madu yang tulin kepada manusia dan menjemput mereka memakannya.

Sesungguhnya dengan nama Tuhan Yang Maha Kudus, yang merupakan manifestasi terhadap nama Allah yang paling teragung, iaitu Allah s.w.t. Manakala nama Allah yang teragung pula, ar-Rahman juga menunjuk ke arah rezeki. Oleh itu, melalui kesyukuran terhadap rezeki, ia dapat menyampaikan kita kepada manifestasi nama ar-Rahman. Hal ini kerana makna yang paling zahir daripada ar-Rahman adalah nama Tuhan ar-Razak.

Selain itu, wujud pelbagai jenis syukur dan yang paling komprehensif dan indeks am terhadap semua

jenis kesyukuran adalah solat.

Tambahan pula, syukur merangkumi keimanan yang tulin dan mengandungi ketauhidan yang paling suci. Sebagai contoh, bagi seseorang yang memakan epal dan berkata, “Alhamdulillah (Segala pujian bagi Allah!)” mengisytiharkan melalui ucapan syukurnya: “Epal ini adalah cenderamata yang diberikan secara langsung oleh Kudrat Ilahi dan juga hadiah langsung dari khazanah Rahmat-Nya.” Dengan mengucapkan kalimah ini dengan keyakinan dia mensabitkan segalanya, khusus dan universal kepada Kudrat Ilahi yang berkuasa dan mengetahui manifestasi Rahmat Ilahi dalam segalanya. Dia mengumumkannya melalui ucapan syukur, keimanan yang hakiki dan pengakuan sebenar tentang ketauhidan yang tulin.

Kami akan menjelaskan di sini satu aspek sahaja daripada banyak aspek kerugian yang besar yang dialami oleh manusia yang lalai ekoran kekufurannya terhadap nikmat Ilahi. Ini adalah seperti berikut:

Sekiranya seseorang memakan kurniaan rezeki yang enak dan bersyukur ke atasnya maka nikmat itu dengan kesyukuran tersebut menjadi cahaya yang bersinar dan menjadi buah syurga ukhrawi. Melalui kelazatan itu, dia melihatnya dan memikirkannya sebagai ciptaan Allah Yang

Berkuasa dan rahmat Tuhan Yang Maha Esa yang akan menghasilkan kegembiraan dan kenikmatan yang abadi. Orang yang bersyukur ini menghantar isi dan inti pati makna-makna yang mulia ini secara maknawi ke alam atas yang mulia lagi tinggi, manakala hampas seperti bahan sekam, iaitu perkara yang telah menyelesaikan tugasnya dan sekarang tidak di perlukan menjadi halus dan akan berubah menjadi bahan asal, dengan kata lain ia akan ditransformasikan kepada unsur-unsurnya yang asal.

Jika dia gagal bersyukur, kenikmatan sementara tadi akan hilang dan meninggalkan kepedihan dan kesedihan dan menjadi sia-sia. Nikmat yang berharga seumpama berlian itu akan bertukar menjadi arang batu. Melalui syukur, rezeki akan menghasilkan kenikmatan yang tidak berpenghujung dan menghasilkan buah-buahan yang kekal abadi. Nikmat tanpa kesyukuran akan menjatuhkan nilainya dari darjat yang paling indah kepada darjat yang hodoh. Sebabnya, menurut orang yang lalai, setelah menghasilkan kelazatan yang sekejap, rezeki akan menjadi bahan sisa.

Sesungguhnya rezeki adalah seumpama wajah yang bercahaya yang layak dicintai dan dirindui dan bentuknya dapat dilihat melalui syukur. Walau bagaimanapun, keghairahan mereka yang sesat

dan lalai untuk rezeki adalah bersifat kehaiwanan. Anda boleh membuat perbandingan lebih jauh dengan cara ini dan melihat bagaimana kerugian yang tidak terhingga akan dirasai oleh mereka yang sesat dan lalai.

Di antara spesies bernyawa, manusia adalah makhluk yang paling banyak memerlukan pelbagai jenis rezeki. Tuhan Yang Maha Kuasa mencipta manusia sebagai cermin yang komprehensif kepada semua nama-nama-Nya; sebagai keajaiban kuasa-Nya dengan keupayaan untuk menimbang dan mengenali kandungan semua perbendaharaan rahmat-Nya; dan sebagai khalifah-Nya di muka bumi yang memiliki fakulti untuk mengukur dan menilai semua aksi manifestasi Asma al-Husna. Oleh sebab itu, dia menjadikan dalam diri manusia keperluan yang tidak terhingga terhadap pelbagai rezeki, sama ada materi dan maknawi. Berdasarkan fitrah manusia yang luas, syukur adalah wasilah terbaik yang dapat menaikkan kedudukan manusia kepada “Ahsan Takwim (bentuk yang terbaik)”. Sekiranya dia tidak bersyukur, dia akan jatuh ke kedudukan “orang yang paling rendah” dan melakukan kezaliman yang besar.

Ringkasnya: Syukur adalah perkara yang paling utama dan paling tinggi daripada empat prinsip yang asas dalam kaedah ibadah dan untuk mengundang

kasih sayang Ilahi. Keempat-empat prinsip ini telah ditakrifkan seperti berikut:

“Empat perkara diperlukan dalam keadaan kita yang lemah, iaitu:

“Kelemahan mutlak, kefakiran mutlak, kerinduan mutlak dan kesyukuran mutlak, wahai saudaraku”

Wahai Tuhan, melalui rahmat-Mu, tetapkanlah kami di antara orang-orang yang bersyukur, wahai Yang Maha Pemurah di antara yang Pemurah!

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ الشَّاكِرِينَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ
 سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الشَّاكِرِينَ
 وَالْحَامِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ آمِينَ
 وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Ya Allah! Jadikanlah kami golongan hamba-Mu yang bersyukur dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pemurah! “Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” Ya Allah!

Kurniakanlah selawat dan salam-Mu ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w., penghulu para hamba-Mu yang bersyukur dan memuji-Mu, juga ke atas seluruh keluarga serta sahabat baginda. Akhir doa mereka adalah 'segala pujian adalah bagi Tuhan sarwa sekalian alam'.

GLOSARI

a. Perkataan Umum

ammarah bissu	: Kemarahan yang dikeji
balairung seri	: Tempat rakyat mengadap raja
iltifat al-Malik al-Karim	: Berpaling kepada sifat Allah s.w.t. Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Mulia
iltifat ar-Rahmaniyyah	: Berpaling kepada sifat Allah s.w.t. Yang Maha Pemurah
juz`i	: Sebahagian
khazanah	: Tempat menyimpan harta benda
kulli	: Keseluruhan
mafhum	: Pengertian
mahbubiyah	: Kesanyangan yang tercinta
mutawatir	: Diturunkan daripada seorang ke seorang tanpa putus (bukan hadis)
Rabbani	: Tuhanku
ri`ayah	: Naungan, penjagaan
Rububiyah	: Ketuhanan yang esa
tadarru'	: Merendah diri
tafakkur	: Bermenung memikirkan se suatu dengan sungguh- sungguh
tahmid	: Berzikir berulang-ulang
'ubudiyah	: Perhambaan / menyembah

b. Nama-nama Allah s.w.t.

al-Alim	: Yang Maha Mengetahui
al-Azali	: Tuhan yang wujud sejak permulaan
al-Fatir	: Yang Maha Mencipta
al-Furqanul Hakim	: Yang membezakan yang hak dan batil secara bijaksana
al-Hafiz	: Yang Maha Memelihara
al-Hakiki	: Yang Maha Benar
al-Hakim	: Yang Maha Bijaksana
al-Karim	: Yang Maha Mulia
al-Khaliq zul-Jalal	: Yang Maha Mencipta dan Pemilik Kebesaran
al-Mu`jiz al-Bayan	: Yang Maha Pemberi Mukjizat yang jelas
al-Mun'im	: Yang Maha Pemberi Nikmat
al-Mutakallim	: Yang Maha Berkata-kata
ar-Rahim (ar-Rahimiyah)	: Yang Maha Pengasih
ar-Rahman (ar-Rahmaniyah)	: Yang Maha Pemurah
al-Samadaniyah	: Yang Maha Diperlukan
ar-Razzaq	: Yang Maha Memberi Rezeki